



بریتا موزیوم

BERITA MUZIUM

BILANGAN 3 JILID 40

SEPTEMBER-DISEMBER 2019

LIPUTAN

Majlis Dikir Maulud 1441 Hijrah

Bandarku Ceria

Majlis Pelancaran Petak Jualan Produk
Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pusat
Bahagia

Bengkel Memori Dunia: Program
UNESCO Bagi Melindungi Dokumentari
Warisan

RENCANA

Kepentingan Gambar Sebagai Bahan Arkib
Bagi Rujukan Sepanjang Zaman

LAPORAN BENGKEL

*ASEAN-UNESCO Forum on Southeast Asia
Ministries of Culture on Underwater Heritage:
Safeguarding and Reviving the Shared Maritime
Cultural Heritage of Southeast Asia*



Pengarah Muzium-Muzium
Pemangku Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh

Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium
Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar

KETUA-KETUA BAHAGIAN

Kompleks Taman Warisan Tasek Merimbun/
Bahagian Ilmu Kejadian

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
Kurator Ilmu Kejadian

Arkib Negara Brunei Darussalam
Awang Haji Mohamad Jefri bin Haji Sabli
Pemangku Ketua Pegawai Arkib

Muzium Alat Kebesaran Diraja
Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad
Pegawai Etnologi

Muzium Brunei/
Bahagian Pemeliharaan dan Pembelaian
Dayang Hajah Siti Norhayatty binti Haji Morni
Pemangku Kurator Pemeliharaan dan Pembelaian

Muzium Maritim Brunei Darussalam/
Bahagian Arkeologi dan Monumen
Dayang Aminah binti Haji Majid
Kurator Arkeologi

Muzium Teknologi Melayu / Bahagian Etnografi
Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani
Kurator Etnografi

Muzium Daerah Belait/
Bahagian Media dan Pendidikan

Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar
Pegawai Perhubungan Awam

Galeri Seni
Awang Haji Ilham Rohaidi bin Haji Mashud
Ketua Pegawai Muzium

Bahagian Pameran dan Perkhidmatan Teknik
Awang Haji Mohammad Hanif bin Haji Norrawi
Kurator Pameran

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Dayang Hakimah binti Sufian
Ketua Pegawai Muzium

Bahagian Penyelenggaraan Estet
Dayang Noradah binti Haji Nasir
Pegawai Kerja

Bahagian Perpustakaan
Dayang Hajah Rosmina binti Haji Abd. Rahman
Pegawai Perpustakaan

Galeri Sukan/Bahagian Perolehan
Dayang Nora binti Haji Abd. Kadir
Pegawai Penyelidik Kanan

Penyelaras Penerbitan, Stok dan Edaran
Awang Haji Raduan bin Haji Ratu
Dayang Erna binti Omar
Awang Muhammad bin Yussof
Awang Hashim bin Haji Masri
Awang Haji Zainudin bin Haji Ibrahim
Dayang Zaleha binti Mat Noor

Reka Bentuk / Hiasan Kulit Luar / Atur Huruf
Unit Penerbitan dan Pemasaran
Bahagian Media dan Pendidikan

Dicetak oleh

Kandungan

Bilangan 3 Jilid 40 September-Disember 2019
Berita Muzium 2019



2 GEMA GERGABUS

3 LIPUTAN

Majlis Dikir Maulud 1441 Hijrah

Bandarku Ceria

Majlis Pelancaran Petak Jualan Produk Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pusat Bahagia

Bengkel Memori Dunia: Program UNESCO Bagi Melindungi Dokumentari Warisan

8 RENCANA

Kepentingan Gambar Sebagai Bahan Arkib Bagi Rujukan Sepanjang Zaman

Proses Merobohkan Stor Muzium Teknologi Melayu

18 PENYELIDIKAN

Penyelidikan Awal Balai Polis Panaga, Seria

23 LAPORAN BENGKEL

Kursus Aerobik Level 1

Innovative Forum for ASEAN Museums towards Achieving Science and SDG Awareness in the Community

ASEAN-UNESCO Forum on Southeast Asia Ministries of Culture on Underwater Heritage: Safeguarding and Reviving the Shared Maritime Cultural Heritage of Southeast Asia

32 LAPORAN BAHAGIAN

Bahagian Arkeologi dan Monumen

Arkib Negara Brunei Darussalam

Bahagian Etnografi

Bahagian Media dan Pendidikan

Bahagian Perpustakaan

51 LAWATAN KE MUZIUM DAN GALERI

54 MENGHADIRI KURSUS, SEMINAR, BENGKEL

56 AKTIVITI

Gema Gergabus

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

Peranan dan fungsi institusi muzium kini telah berubah daripada sebelumnya. Perubahan itu adalah diakibatkan oleh selera, tanggapan, nilai dan keperluan audiensnya yang berubah menurut kehendak masa dan perubahan hidup. Kalau sebelumnya muzium hanya dianggap sebagai tempat penyimpanan barang-barang masa lampau dan memenuhi waktu luang sahaja. Dewasa ini muzium sudah dianggap sebagai bahagian yang tidak dipisahkan daripada pendidikan. - Dato Paduka Haji Metussin bin Omar, Seminar Muzium sempena Hari Muzium Antarabangsa 2001.

Begitulah juga dengan terbitnya *Berita Muzium* bertujuan untuk menjadi salah satu medium pendidikan dan sumber maklumat kepada masyarakat. Pendokumentasian hasil penyelidikan, perkongsian maklumat hasil kursus, mesyuarat yang dihadiri oleh warga jabatan ini yang diterbitkan dalam majalah ini, akan menjadi salah satu sumber rujukan bagi generasi akan datang.

Oleh itu, keluaran kali ini mengongsikan betapa pentingnya fotograf atau gambar dalam pembuktian sejarah selain pendokumentasian. **Ruang Liputan** telah memuatkan artikel "Bengkel Memori Dunia: Program UNESCO bagi melindungi Dokumentari Warisan" yang dikendalikan oleh Arkib Negara Brunei Darussalam. Manakala **Ruang Rencana** telah memuatkan "Kepentingan Gambar sebagai Bahan Arkib bagi Rujukan Sepanjang Zaman".

Akhir kalam, semoga pada tahun 2020, muzium dan arkib akan semakin berkembang maju selaras dengan era teknologi digital masa kini. Dalam era masyarakat digital, semoga kita masih dapat bersua lagi di keluaran akan datang, secara konvensional dan mungkin digital. Selamat menyambut Tahun Baru 2020.

Sekian, salam hormat dan Selamat membaca.



MAJLIS DIKIR MAULUD 1441 HIJRAH

Sempena menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1441 Hijrah, seluruh masjid dan surau di Negara Brunei Darussalam mengadakan Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut bermula pada 1 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan 28 November 2019.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya juga tidak ketinggalan menyemarakkan malam-malam tersebut dengan memilih beberapa buah masjid untuk dikunjungi bagi sama-sama melaungkan dikir bersama jemaah masjid-masjid berkenaan. Pada 29 Oktober 2019 rombongan berada di Masjid Kampong Perpindahan Serasa (penyelaras Jabatan Belia dan Sukan dan Jabatan Muzium-Muzium). Pada 5 November 2019 di Masjid Universiti Brunei Darussalam (penyelaras Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pusat Sejarah Brunei). Pada 6 November 2019 di Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong (penyelaras Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Dewan Bahasa dan Pustaka). Pada 8 November 2019 di Masjid Kampong Sungai Akar (penyelaras Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya). Selain daripada bersama-sama melaungkan dikir rombongan juga menyampaikan wakaf kepada masjid-masjid berkenaan. Penyerahan wakaf disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDARKU CERIA

Semasa acara Bandarku Ceria yang diadakan pada 8 September 2019, Jabatan Muzium-Muzium Brunei mengadakan pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh bahagian-bahagian yang terdapat di dalam jabatan. Bandarku Ceria pada hari tersebut menggabungkan tiga sambutan, iaitu Riadah Berbasikal Keputeraan 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-73 tahun, Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-14, dan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan ke-8.

Arkib Negara Brunei Darussalam mengadakan permainan "Ring Toss" dan kuiz; Bahagian Arkeologi dan Monumen mengadakan aktiviti teka-teki corak tembikar piring biru putih, kendi biru putih dan gusi Sawankhlok celadon daripada penemuan kapal karam 1998; Bahagian Media dan Pendidikan pula memberi tunjuk cara permainan Pasang. Sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke ruang aktiviti Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Dengan adanya penyertaan Jabatan Muzium-Muzium Brunei dalam acara Bandarku Ceria ini memberikan pendedahan kepada orang awam tentang peranan, tanggungjawab, serta bidang tugas jabatan kepada negara.



MAJLIS PELANCARAN PETAK JUALAN PRODUK PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS DAN PUSAT BAHAGIA

OLEH: HAJI BAHRIN BIN HAJI BOLHASAN

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya warga emas mengenai kewujudan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Cawangan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui usaha sama Jabatan Muzium-Muzium dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat, membuka peluang kepada ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dan juga Pusat Bahagia untuk menjana kewangan melalui jualan hasil produk masing-masing di ruang legar Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim Brunei Darussalam, dan di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis pelancaran petak jualan ini telah diadakan di ruang legar Muzium Teknologi Melayu pada 03 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan dengan 31 Oktober 2019. Tetamu kehormat majlis pelancaran tersebut ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis bermula dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat yang dipimpin oleh Ustaz Shahrin bin Haji Sulaiman, Guru Ugama Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat. Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Awang Haji Mohd Ali bin Haji Emran, Pengerusi Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara, bersama-sama memotong riben sebagai simbolik pelancaran pusat jualan tersebut.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut, dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium; Amirul Shukri bin Haji Hafneh, dan Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat; Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohammad Tahir, serta ketua-ketua cawangan PKWE dan Pusat Bahagia.

Antara produk yang dihasilkan oleh PKWE adalah bakul yang diperbuat daripada tali plastik, pasu bunga dan beg tangan yang diperbuat daripada manik dan juga pelbagai jenis makanan kering seperti kuih cincin, penyaram, kacang goreng berempah dan sebagainya.

Manakala petak jualan di Muzium Maritim Brunei Darussalam diisikan dengan jualan produk Pusat Kegiatan Warga Emas, Cawangan Daerah Tutong. Pelancaran seterusnya di ruang legar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diisikan dengan jualan produk hasil tangan Pusat Bahagia dari seluruh daerah, seperti bakul yang diperbuat daripada tali plastik, kuih-kuihan kering, *key holder*, jambangan bunga plastik dan sebagainya.

Pelancaran petak-petak jualan di tempat berkenaan diharap dapat memberikan peluang kepada warga emas dan golongan kelainan upaya untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara dengan memberikan hasil yang optimum, sekali gus memberikan pendapatan melalui “social enterprise”.

BENGKEL MEMORI DUNIA: PROGRAM UNESCO BAGI MELINDUNGI DOKUMENTARI WARISAN

OLEH: HAJI MOHAMMAD ALI BIN HAJI TUNDAK

Pada 18 September 2019, Arkib Negara Brunei Darussalam, Jabatan Muzium-Muzium telah mengendalikan “Bengkel Memori Dunia: Program UNESCO bagi Melindungi Dokumentari Warisan” yang disampaikan oleh Dr Lim Ming Kuok, UNESCO Secretariat, Jakarta, bertempat di Teater PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib Negara.

Bengkel ini memperkenalkan tentang Program Memory of the World (MOW) yang telah dilancarkan oleh UNESCO pada tahun 1992, yang merupakan program antarabangsa bertujuan untuk menjaga dan memelihara serta memberi kemudahan akses kepada penggunaan dokumen-dokumen warisan. Dr Lim juga menyampaikan tujuan maklumat tentang MOWCAP, komiti untuk rantau Asia dan Pasifik yang telah ditubuhkan pada tahun 1998, menjadi satu ruang khusus untuk program MOW.

Program MOW berperanan dalam melindungi, memelihara dan mendokumentasikan kenangan warisan dunia secara kolektif. Program ini adalah kesan daripada dorongan kesedaran yang semakin meningkat mengenai pemeliharaan dan akses kepada dokumentari warisan di seluruh dunia. MOWCAP mengekalkan dan mengiktiraf warisan dokumentari yang mempunyai kepentingan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Salah satu contoh bahan yang telah diinskripsi dalam Memory of the World adalah Al-Masaalik wa Al-Mamaalik yang merupakan sebuah buku geografi, ditulis oleh seorang Arab bernama Mohammad Farsi Istakhri pada Abad ke-10. Buku ini menerangkan tentang keadaan sosio-ekonomi, budaya dan politik negara-negara Islam dari India hingga Afrika. Buku tersebut merupakan manuskrip Arab tertua, dan translasi Persia tertua yang telah didaftarkan di MOWCAP. Bahan-bahan lain termasuklah filem klasik Asian, gambar-gambar, buku daftar imigrasi, Mushaf, catatan dan persuratan.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam tentang Program Memory of the World; untuk meningkatkan kesedaran dan pendedahan mengenai pemuliharaan warisan dokumentasi khususnya Memori Program Dunia dan Proses Pencalonan Untuk Daftar Antarabangsa serta Pendaftaran Serantau dan Kebangsaan; untuk membina kapasiti institusi-institusi ingatan di Brunei Darussalam sekali gus merebut peluang dalam mencalonkan warisan dokumentari kepada memori dunia; dan untuk mengenal pasti potensi warisan dokumentari dari Brunei Darussalam yang boleh dicalonkan.

Walau bagaimanapun bagi mencapai yang dikehendaki mesti ada satu agensi ditubuhkan, contoh seperti Brunei UNESCO komiti kebangsaan. Setelah komiti ini ditubuhkan baharulah dapat mencalonkan warisan dokumentari dari Brunei Darussalam ke memori dunia yang dimaksudkan.

Hadir untuk mengikuti bengkel setengah ini ialah Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh yang turut memberikan ucapan alu-aluan. Turut hadir pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan institusi-institusi pendidikan tinggi.



Pemangku Pengarah Muzium-Muzium,
Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh.



Dr Lim Ming Kuok, Pembengkel Memori Dunia.



Bergambar ramai peserta dan pembengkel.

KEPENTINGAN GAMBAR SEBAGAI BAHAN ARKIB BAGI RUJUKAN SEPANJANG ZAMAN

OLEH: HAJI MUHAMMAD RUZAINI BIN HAJI MOHD DAUD

Manusia berhadapan dengan pelbagai peristiwa dan pengalaman setiap hari, tidak kira sama ada manis ataupun pahit. Pengalaman yang dialami oleh seseorang individu itu juga mungkin berupa satu pengajaran atau cabaran sehingga ada kalanya sesuatu yang sangat dihargai, lucu dan bernilai cukup sentimental untuk dikenang.

Bersesuaian dengan ungkapan yang menyatakan bahawa “*Apa yang terjadi pada hari ini, akan menjadi sebuah sejarah di kemudian hari*” maka adalah jelas dalam menggambarkan bahawa peristiwa dan pengalaman yang dialami atau dilalui oleh seseorang individu itu akan menjadi satu sejarah yang cukup penting untuk dikenang dari pelbagai perspektif, seperti sejarah negara, sejarah organisasi maupun sejarah individu itu sendiri.

Dari situ, pihak arkib dan muzium di seluruh dunia telah giat bergerak aktif dalam melakukan kerja-kerja pengumpulan dan penyelidikan terhadap artifik dan gambar bagi mendukung kebenaran fakta mengenai sesebuah sejarah.

“Padang Berawa: A Country’s Legacy” merupakan satu pameran anjuran Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd (BSP) dan Jabatan Muzium-Muzium yang dianjurkan baru-baru ini di Muzium Daerah Belait jelas dapat memperlihatkan perubahan dan perkembangan yang dialami dalam perusahaan sektor perindustrian minyak dan gas, merangkumi daripada penggunaan peralatan, pengangkutan, bangunan, stesen minyak, kerja-kerja pemprosesan minyak, kemahiran tenaga pekerja dan sebagainya.

TAKRIF FOTOGRAFI

Perkataan fotografi dikatakan berasal daripada bahasa Yunani iaitu “Fos” yang merujuk kepada erti cahaya dan “Grafo” yang memberikan erti melukis atau menulis.

Manakala perkataan fotografi dalam bahasa Inggeris pula merujuk kepada sebuah seni, ilmu pengetahuan dan teknik untuk merakamkan gambar agar ia berupaya untuk bertahan lama, menggunakan secara kimia atau secara elektronik melalui sensor gambar.

Adams (1976) pula menyatakan bahawa fotografi merupakan sejenis seni yang cukup kreatif di mana ia juga boleh dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan ekspresi sekali gus memiliki pelbagai persepsi dan interpretasi yang tersendiri.

KEPENTINGAN PERANAN GAMBAR

Fotografi merupakan sebuah bidang yang semakin diminati sehingga ada yang menjadikannya sebagai satu kerjaya ataupun hobi. Bahkan mutakhir ini, seiring dengan kemajuan era teknologi kehadiran individu yang digelar sebagai “social media influencer” juga semakin meningkat, iaitu mereka yang banyak menggunakan gambar sebagai satu medium promosi ataupun meningkatkan pengaruh.

Kepentingan sekeping gambar atau imej itu sendiri dapat dilihat apabila seluruh dunia menyambut Hari Fotografi Sedunia pada setiap 19 Ogos bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan

masyarakat terhadap seni fotografi. Melalui sambutan ini, jurugambar juga berupaya untuk bertukar-tukar pendapat dan membincangkan mengenai sebarang isu berhubung fotografi.

Pada dasarnya, kebanyakan individu merakamkan gambar bagi tujuan untuk mengabadikan momen dan kenangan yang dialami. Namun ternyata bukan sekadar itu sahaja, kerana menurut O'Neill (2015), bidang fotografi memiliki peranan dan kepentingannya yang tersendiri.

Fotografi berupaya untuk menceritakan sejarah. Perkara ini dapat dilihat apabila ramai golongan penyelidik di seluruh dunia yang menggunakan bahan gambar sebagai satu sumber rujukan bagi mendukung kenyataan dan hasil kajian yang diperolehi. Gambar-gambar yang dikumpulkan ini juga boleh memperlihatkan evolusi dan perkembangan yang dihadapi oleh sesebuah negara, gaya hidup, amalan dan aktiviti sebagaimana yang banyak ditampilkan di kebanyakan galeri dan muzium di seluruh dunia.

Ungkapan “biar gambar berbicara” jelas dapat memperlihatkan bahawa sekeping gambar yang dirakamkan itu akan dapat memperlihatkan ekspresi dan komunikasi yang cuba untuk disampaikan oleh jurugambar. Aksi rakaman gambar yang menonjolkan pemandangan atau persekitaran indah setentunya dapat mengongsikan perasaan sebenar jurugambar dalam menyampaikan mengenai pengalaman yang dilihat atau dilaluinya. Begitu juga sebaliknya, perasaan sedih turut dapat dirasai oleh audiens sehingga ada kalanya dapat meruntun jiwa tatkala mereka menatap potret/gambar yang jelas memperlihatkan unsur kesedihan yang dirakamkan oleh jurugambar.

Seiring dengan kemajuan teknologi, kamera litar tertutup atau CCTV semakin banyak dipasang di kompleks dan premis bangunan bagi menjamin dan meningkatkan lagi tahap keselamatan di sesebuah kawasan. Hakikatnya, imej atau video yang dirakamkan dari CCTV yang dipasang akan berupaya untuk menjadi satu bahan bukti sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini. Perkara ini turut disokong oleh Lopez (2009) dalam kertas kerjanya berjudul *Photographic document as image archival document* yang menyatakan bahawa pihak penyiasat termasuk polis, detektif dan peguam sering merujuk koleksi bahan gambar dalam kategori jenayah yang disimpan sebagai koleksi rekod arkib bagi mengumpulkan bahan bukti dalam memperkuuhkan kenyataan yang diberikan sewaktu perbicaraan yang diadakan di mahkamah.

AKTA ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PERKUKUHKAN PENJAGAAN KOLEKSI GAMBAR

Sebuah gambar boleh dirakam di mana sahaja tanpa mengira waktu dan tempat sekali gus menjadikan ia sebagai satu aktiviti yang sangat seronok dan menarik untuk dilakukan. Namun hasil gambar yang dirakamkan itu setentunya turut memiliki nilainya yang tersendiri mengikut kepentingan yang ada padanya.

Dengan itu, pelbagai langkah dan strategi harus diambil sebagai inisiatif bagi menghadapi sebarang cabaran terutama dalam penyimpanan koleksi gambar yang boleh dianggap sebagai satu khazanah yang berharga.

Sebagaimana yang digariskan menurut Akta Arkib Negara Brunei Darussalam 1975, Penggal 116 (edisi semakan 1983) menjelaskan bahawa “...apa juarerekod awam yang lebih dari dua puluh lima tahun lamanya dan apa juarerekod awam yang lampau yang mana pada pendapat Pengarah mempunyai nilai yang mencukupi untuk mematutkan pemeliharaannya hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara Brunei Darussalam”.

Rekod-rekod awam dalam akta ini merujuk kepada kertas-kertas, dokumen-dokumen, rekod-rekod, daftar-daftar, bahan cetakan, gambar foto, filem-filem kecil (mikrofilem), alat wayang gambar (cinematograph), filem-filem, rakaman-rakaman suara dari apa jenis jua pun yang diterima atau dikeluarkan secara rasmi oleh mana-mana pejabat kerajaan kerana melakukan urusan-urusannya atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja pejabat kerajaan semasa menjalankan kewajipan rasminya.

Melalui intipati yang terkandung dalam Akta Arkib Negara Brunei Darussalam 1975, Penggal 116 (edisi semakan 1983) ini secara langsung ia merupakan salah satu langkah yang diusahakan oleh kerajaan negara ini khususnya Arkib Negara Brunei Darussalam sendiri berusaha untuk melindungi dan memelihara koleksi gambar dan audio visual yang berhubung kait dengan negara, bangsa dan kerajaan agar ia dapat dijadikan sebagai bahan sumber rujukan di masa akan datang.

KRITERIA DALAM PENILAIAN GAMBAR

Menyedari akan bidang fotografi semakin mendapat sambutan dan koleksi gambar yang dirakamkan juga semakin meningkat maka setentunya terdapat beberapa kriteria tertentu dalam penilaian kelayakan untuk gambar itu disimpan, dijaga dan dipelihara.

Artikel *The Picture Edge: Archival Appraisal of Photographs* yang diterbitkan pada tahun 2019 menjelaskan bahawa arkivis di seluruh dunia akan terlebih dahulu meneliti dan menilai koleksi gambar yang akan dihantar untuk disimpan di dalam sesebuah arkib bagi mengelakkan daripada berhadapan dengan masalah penyimpanan yang tidak mencukupi.

Pearce-Moses (2005) dalam artikelnya berjudul *A glossary of archival and records terminology* menjelaskan bahawa arkivis akan menilai gambar yang dikenali sebagai rekod itu melalui beberapa kriteria seperti keasliannya, kandungan dan kepentingannya, butiran keterangan lengkap, keadaannya dan kos bagi penjagaan sekeping gambar sebelum dibenarkan untuk disimpan bagi menambah koleksi bahan arkib.

Kecanggihan teknologi semasa yang membolehkan gambar itu untuk disunting dan diubah setentunya turut berpotensi dalam mengancam kualiti keasliannya. Boles (2005) dan Mifflin (2007) menjelaskan bahawa keterangan pemilik asal gambar, penyerah dan butiran penerangan mengenai sekeping gambar itu perlu dinyatakan dalam memastikan keaslian gambar yang disimpan dalam sesebuah negara itu akan lebih terjamin. Keterangan seperti kapsyen setentunya dapat membantu dalam menjelaskan mengenai perihal gambar yang disimpan dan keterangan pemilik asal yang menyerahkan koleksi gambar itu pula dapat dijadikan sebagai maklumat lanjut bagi rujukan kepada para penyelidik.

Fraser (1981) menjelaskan bahawa antara ciri gambar yang memiliki nilai bukti dan bermaklumat itu adalah apabila ia berupaya untuk memperlihatkan perubahan gaya hidup komuniti, aktiviti, tempat, benda dan apa sahaja yang mampu untuk mendukung pernyataan pada sesuatu penyelidikan, mempromosikan program kerajaan, menggalakkan reformasi perubahan positif, menerangkan proses perubahan secara saintifik atau mengilustrasikan idea.

Penyimpanan dari perspektif arkib pula, Schellenberg (1965) menyatakan bahawa koleksi gambar yang disimpan memiliki nilai primer dalam merealisasikan sesuatu kajian. Nilai primer atau utama yang dimaksudkan adalah apabila gambar itu dapat memberi gambaran sebenar kepada keadaan atau latar asal terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan seperti aspek pentadbiran, perundungan atau fiskal. Dari situ, ia dapat mendukung bahan bertulis yang digunakan sebagai rujukan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti penyelidikan.

Koleksi gambar yang memiliki cerita dan kaitan di antara satu sama yang lain sebagaimana yang dipamerkan di pameran “Padang Berawa: A Country’s Legacy” setentunya dapat dianggap sebagai sesuatu yang bernilai untuk disimpan. Dua nilai yang terkandung dalam koleksi gambar seperti ini adalah nilai intrinsik dan artifak.

Westney (2007) menjelaskan bahawa nilai intrinsik yang jelas menghubungkan gambar dengan individu, organisasi, tempat atau peristiwa sememangnya merupakan satu bentuk rekod yang wajar untuk dijaga dan dipelihara oleh arkivis di seluruh dunia.

Dari nilai intrinsik yang terdapat pada sesuatu gambar itu maka sekali gus ia turut menambah nilai artifiknya untuk dijadikan sebagai satu bahan pameran sebagaimana yang sering dikehendaki oleh kurator muzium, kurator pameran, ahli sejarah, pereka, penggiat seni, penerbit filem dan sebagainya.

Perkara ini adalah bertepatan dengan intipati ucapan alu-aluan Dr. Ceri M Powell sewaktu melancarkan pameran “Padang Berawa: A Country’s Legacy” yang menjelaskan bahawa koleksi gambar dan rekod lama yang dipamerkan berupaya untuk membantu dalam mewujudkan peluang unik terutama mengenai sejarah dan perkembangan industri minyak dan gas di negara ini.

TITIK BERATKAN PENGURUSAN DAN LOKASI PENYIMPANAN GAMBAR

Pepatah “mencegah lebih baik dari merawat” wajar dijadikan sebagai satu prinsip dalam pengurusan dan pengendalian gambar terutama bagi yang memiliki nilai yang sangat tinggi sebagaimana yang tersimpan di Arkib Negara Brunei Darussalam.

Dari sudut penyimpanan pula, Keefe et.al (1984) menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkara tertentu yang harus dititikberatkan bagi menjamin kualiti koleksi gambar yang disimpan.

Aspek utama yang dititikberatkan adalah mengenai lokasi penyimpanan, koleksi gambar itu hendaklah disimpan dalam sebuah ruangan tertutup, jauh daripada pancaran sinar terik matahari dan cahaya yang boleh mendatangkan risiko kerosakan, kawasan bebas daripada pendedahan daripada aspek pencemaran, bencana dan radiasi.

Aras bawah pada sesebuah bangunan merupakan satu lokasi yang tidak strategik bagi penyimpanan gambar memandangkan kawasan tersebut mudah terdedah kepada pelbagai risiko seperti terkena air akibat banjir atau habuk.

Bersesuaian mengikut piawaian yang ditetapkan Photographic Activity Test (PAT), suhu yang bersesuaian dan kebersihan kawasan penyimpanan turut memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan dan kualiti koleksi gambar yang disimpan itu.

Acid-free paper dan sarung plastik (plastic sleeve) yang bersesuaian wajar digunakan dalam penyimpanan setiap kepingan gambar agar kualiti fizikalnya lebih terjamin dan bebas daripada risiko rosak akibat melekat di antara satu keping dengan yang lain. Di samping itu, label pendaftaran atau nombor rujukan gambar tersebut juga turut diletakkan pada sarung plastik itu bagi memudahkan proses pencarian apabila sesuatu bahan gambar itu diperlukan bagi tujuan rujukan.

Para arkivis atau penyelidik yang ingin merujuk koleksi gambar simpanan itu harus sentiasa memastikan lokasi rujukan itu adalah sebuah kawasan yang selamat, tangan penyelidik juga berada dalam keadaan bersih dan menggunakan sarung tangan lembut bagi mengelakkan risiko kerosakan pada gambar yang dipegang.

Jauhkan lokasi penyimpanan gambar itu daripada sebarang makanan dan minuman yang setentunya boleh mengundang “musuh” bagi bahan arkib seperti tikus, anai, lipas, pepijat dan sebagainya yang secara tidak langsung boleh menjelaskan kualiti koleksi gambar yang disimpan.

Penandaan keterangan dan nombor pendaftaran gambar itu tidak seharusnya diletakkan pada struktur gambar itu walaupun di bahagian belakang. Begitu juga dengan penggunaan beberapa alat tulis lain seperti klip kertas atau pengikat, getah, pita pelekat dan gam juga turut ditegah kerana tindakan dan barang tersebut berpotensi untuk merosakkan bahan fotografi tersebut.

DAFTAR KETERANGAN GAMBAR SELENGKAPNYA

Memberikan nombor rujukan atau pendaftaran terhadap koleksi gambar yang disimpan adalah penting bagi memudahkan proses merujuknya kembali khususnya dalam memastikan lokasi penyimpanan gambar tersebut.

Di samping itu, ia juga turut meningkatkan tahap keselamatan gambar yang disimpan itu terutama apabila akses kemasukan dan pengeluaran bagi tujuan penggunaannya juga dapat dipantau oleh pegawai dan kakitangan yang bertugas dalam penjagaannya.

Arkib Negara Brunei Darussalam, selaku sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menjaga dan menyimpan koleksi rekod awam termasuk gambar yang bernilai itu, sentiasa menitikberatkan beberapa aspek dalam proses pendaftaran yang merangkumi keterangan subjek, tarikh, lokasi, peristiwa dan individu yang terlibat dalam sekeping gambar, kategori, nama jurugambar atau pemilik asal gambar kerana perkara ini adalah cukup signifikan untuk disertakan sebagai sumber rujukan kepada penyelidik yang menggunakan bahan gambar ini sebagai bahan rujukan.

TEKNOLOGI DIGITAL PERTINGKATKAN JAMINAN KESELAMATAN GAMBAR

Seiring dengan perkembangan teknologi digital, setentunya turut memperluaskan lagi peluang untuk memelihara, menjaga dan menyediakan akses kepada bahan fotografi yang disimpan oleh sesebuah organisasi seperti Arkib Negara Brunei Darussalam.

Peabody (2016) menjelaskan bahawa proses mendigitasi bahan fotografi berbentuk fizikal kepada digital setentunya dapat mempertingkatkan penjagaan koleksi gambar yang disimpan terutama apabila bentuk fizikal gambar itu tidak lagi dirujuk dengan lebih kerap kerana penyelidik boleh merujuknya dengan mudah dalam versi digital.

Secara tambahan, pendigitalan gambar juga secara tidak langsung turut memberi peluang kepada penyelidik melakukan penyelidikan dari sudut digital, iaitu menggunakan perisian tertentu bagi mengenal pasti ciri tertentu yang ada pada sesuatu fotografi mengikut era gambar itu dirakamkan sekali gus dapat memperlihatkan evolusi dalam bidang penggambaran yang dapat dirungkai apabila koleksi gambar berbentuk fizikal yang disimpan itu telah diproses menjadi bentuk digital.

Severson (2017) menyatakan format sesuai bagi penyimpanan data perlu diutamakan demi memastikan ia akan sentiasa mudah untuk diakses bukan sahaja pada masa kini bahkan juga di masa hadapan. Antara format data yang sering digunakan bagi bahan gambar dalam versi digital adalah *Joint Photographic Experts Group* (JPEG) dan *Tagged Image File Format* (TIFF).

Sepertimana dalam bentuk fizikal, penyimpanan data dalam versi digital juga harus turut disertakan dengan sistem penamaan yang baik lengkap bersama dengan keterangan yang dapat difahami agar ia mudah untuk dirujuk semula apabila diperlukan. Elakkan daripada memberikan label nama yang panjang kerana dikhawatir kelak ia akan menyulitkan lagi proses pemindahan data ke dalam lokasi penyimpanan yang baharu.

Lokasi penyimpanan bagi data dalam versi digital ini juga harus ditetapkan bagi mengkhususkannya agar komputer yang digunakan bagi melaksanakan proses digitasi ini tidak mudah untuk berhadapan dengan risiko virus yang boleh menular sekali gus meningkatkan risiko kehilangan data.

Bagi memudahkan fail untuk diakses, penyusunan data yang rapi perlu ditetapkan antara yang dapat dilaksanakan adalah dengan mewujudkan metadata asas merangkumi unsur *thumbnails* bagi memberi gambaran kepada penyelidik yang ingin menggunakan sesuatu koleksi gambar yang berada dalam simpanan itu.

Persediaan rapi juga perlu dilaksanakan bagi menjamin keselamatan koleksi gambar yang bernilai itu dan salah satu langkah yang boleh diambil dan semakin mendapat sambutan pada dekad ini adalah pengurusan sistem data secara *cloud-based*.

Pengurusan sistem secara *cloud-based* ini adalah sistem penyimpanan data termasuk gambar berasaskan alam maya yang dioperasikan dengan rangkaian intranet yang baik dan tahap keselamatannya juga turut terjamin terutama apabila ia hanya berupaya untuk diakses oleh sesebuah organisasi mengikut kata kunci yang telah ditetapkan.

Sistem penyimpanan data secara *cloud-based* ini merupakan salah satu langkah terbaik dalam menjamin keselamatan rekod digital terutama bagi menghindarkan pelbagai masalah siber seperti virus, kegagalan sistem *hardware* seperti komputer, *hard disk* dan sebagainya.

Selain itu, *storage server* juga dapat dijadikan sebagai satu alternatif dalam penyimpanan data dalam keadaan yang lebih terjamin. *Storage server* ini berperanan sebagai pusat kepada penyimpanan sandaran dan akses data termasuk gambar di mana ia dapat dikawal melalui panel kawalan GUI dan FTP dengan bantuan akses daripada perisian dan aplikasi tertentu.

Sistem *storage server* ini juga dioperasikan berdasarkan gabungan *Direct Attached Storage* (DAS), *Network Attached Storage* (NAS) dan teknologi rangkaian penyimpanan yang lain.

Bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan penyimpanan data dalam *storage server*, jumlah akses pengguna yang diberikan kebenaran di samping kata kunci yang kukuh juga perlu ditetapkan.

Antara manfaat yang dapat diperolehi melalui *storage server* ini adalah apabila data yang tersimpan di dalamnya boleh diakses oleh setiap komputer yang memiliki hubungan dengan rangkaian hanya dengan memberikan kata kunci yang telah ditetapkan. Di samping itu, pemantauan data yang tersimpan juga menjadi bertambah mudah memandangkan ia disimpan pada satu *storage server* yang sama.

KESIMPULAN

Koleksi gambar sememangnya memiliki nilai yang tersendiri terutama apabila ia berupaya dalam menonjolkan aspek sejarah, dapat dijadikan sebagai bahan bukti atau sumber rujukan dan berpotensi untuk dipamerkan bagi meningkatkan pengetahuan.

Dengan itu, organisasi tertentu seperti pihak arkib, muzium, perpustakaan dan galeri harus meningkatkan peranan dalam penjagaannya agar manfaat kegunaannya akan dapat dijadikan sebagai satu bahan rujukan sepanjang zaman.

Seiring dengan kemajuan era teknologi digital, penjagaan koleksi gambar tidak sewajarnya hanya ditumpukan pada aspek fizikal bahkan peralihan pada konsep digital juga harus diterapkan demi memastikan jaminan kualiti penyimpanannya dan penjagaannya berada dalam keadaan selamat.

RUJUKAN

- Adams, A., 1976. *The Negative: Exposure and Development* (Basic Photo, No.2). New York Graphic Society.
- Boles, F., 2005. *Selecting and appraising archives and manuscripts*. Chicago: Society of American Archivists.
- Coe, B., 1977. *The Birth of Photography*. London: Book Club Associates.
- Fraser, M., 1981. Problems presented by photographic collections. *South African Libraries* 48.
- Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2005. *Arkib Negara Brunei Darussalam Sebagai Pusat Penyimpanan Tetap Koleksi Khazanah Warisan Negara Dibawah Peruntukan Akta Arkib Negara 1975 Edisi Semakan 1983*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei Darussalam.
- Keefe, Laurence E., Jr. and Dennis Inch., 1984. *The Life of a Photograph: Archival Processing, Matting, Framing and Storage*. Boston: Focal Press.
- Lopez, André Porto Ancona, 2009. Photographic document as image archival document, kertas kerja dalam 8th Conference on Technical and Filed Related Problems of Traditional and Electronic Archiving in Radenci/Slovenia. POKRAJINSKI ARHIV MARIBOR. 25-27 Mac 2009.
- Margot Note Consulting LLC., 2019. The Picture Edge: Archival Appraisal of Photographs. <https://www.margotnote.com/blog/2019/08/26/picture-edge>.
- Mifflin, J., 2007. Visual archives in perspective: Enlarging on historical medical photographs. *American Archivist* 70(1), www.researchgate.net/publication/5853679_Visual_Archives_in_Perspective_Enlarging_on_Historical_Medical_Photos.
- Nayan Ahmad, 1984. *Komunikasi Visual Kewartawanan Foto*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Newhall, B., 1964. *The History of Photography*. London: Secker & Walburg.
- O'Neill, D., 2015. Reasons Why Photography Matters. New Zealand, www.newzealandlandscape.com.
- Peabody, R. (2016). What is the Future of the Photo Archive? The Iris. <https://blogs.getty.edu/iris/what-is-the-future-of-the-photo-archive/>.
- Pearce-Moses, R. (2005). A glossary of archival and records terminology. <http://files.archivists.org/pubs/free/SAA-Glossary-2005.pdf>.
- Rempel, S & Rempel, W., 1992. *Health Hazards for Photographers*. New York: Lyons & Burford.
- Schellenberg, T. R., 1965. *The management of archives*. New York: Columbia University Press.


- Severson, S., 2017. Archiving Digital Photographs. The Complete Guide to Personal Digital Archiving. Disunting oleh Brianna H. Marshall: ALA Editions. http://digitool.library.mcgill.ca/webclient/StreamGate?folder_id=0&dvs=1577862535284~850.
- Westney, L. C., 2007. Intrinsic value and the permanent record: The preservation conundrum. OCLC Systems & Services: International Digital Library Perspectives 23(1).
- Wylie, G., 1989. The Encyclopedia of New Photography. New York: Mallard Press.



Antara koleksi gambar lama yang dipamerkan di pameran "Padang Berawa: A Country's Legacy" di Muzium Daerah Belait yang jelas memperlihatkan perkembangan perusahaan di dalam sektor perindustrian minyak dan gas.



Koleksi gambar yang sangat berharga untuk dijadikan sebagai bahan sumber rujukan hendaklah disimpan dengan rapi dan teratur.



Penggunaan sarung tangan dan *acid-free paper* ketika menguruskan koleksi bahan gambar yang disimpan dalam Arkib Negara Brunei Darussalam merupakan antara langkah yang dilakukan bagi memastikan kualiti dan strukturnya tetap terjaga.

PROSES MEROBOKAN STOR MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU

OLEH: DAYANG AZURA BINTI HAJI ASLI

Muzium Teknologi Melayu mempunyai ruang stor yang mula ditubuhkan sekitar tahun 1990-an. Stor Muzium Teknologi Melayu berada di luar bangunan, berdekatan dengan stesen elektrik bagi penyimpanan *showcase*, *panel* dan *holding area* untuk bahan-bahan yang akan dimusnahkan. Struktur stor tersebut telah dihinggapi anai, terutama rangka kayu kasau atap menyebabkan struktur tersebut menjadi rapuh dan rosak. Pada 13 September 2019, stor ini telahpun roboh semasa hujan ribut dan berangin.



Keadaan stor semasa terkena angin semasa hujan ribut.

Pemeriksaan dibuat pada 26 Oktober 2019, oleh Dayang Shariana binti Haji Naim (wakil Bahagian Penyelenggaraan Estet), Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan dan Dayang Azura binti Haji Asli (wakil Bahagian Etnografi) bersama syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran untuk meroboh dan membersihkan kawasan stor berkenaan.

Borneo United Company dipilih untuk membuat kerja-kerja meroboh dan pembersihan stor Muzium Teknologi Melayu. Kerja-kerja tersebut bermula pada 29 Oktober 2019 dan siap sepenuhnya pada 2 November 2019.



Semasa kerja-kerja meroboh dijalankan.

Segala kayu, besi dan atap yang rosak dipunggah ke luar dan dibuang di tempat pembuangan khas. Kawasan tersebut perlu dibesihkan, sementara luar kawasan berdekatan stor berkenaan diletakkan *arch* untuk dipamerkan sementara. Barang perabot, seperti kerusi, meja dan almari yang rosak disimpan sementara di luar kawasan stesen elektrik, ditutup menggunakan canvas untuk mengelak dari terkena hujan dan cahaya matahari yang memberi kesan negatif kepada perabot berkenaan.



Kayu, besi dan atap dipunggah ke dalam lori untuk dibuang ke tempat pembuangan yang dikhaskan.



Selepas kerja-kerja meroboh selesai.



Barang perabot (kerusi, meja, dan almari) yang rosak disimpan sementara di luar kawasan stesen elektrik.

PENYELIDIKAN AWAL BALAI POLIS PANAGA, SERIA

OLEH : MASNUNAH HAJI BAKAR

PENGENALAN

Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) adalah antara agensi kerajaan yang tertua di negara ini, tahun ini genaplah usianya 98 tahun selepas ditubuhkan pada 1 Januari 1921. Pentadbiran Polis moden telah diperkenalkan ke Brunei apabila datangnya Sistem Residen ke Brunei pada tahun 1906 hasil daripada perjanjian Sultan Hashim (1885-1906) dengan pihak Inggeris pada tahun tersebut yang menerima seorang pegawai Inggeris untuk dilantik menjadi Residen.¹

LATAR BELAKANG DAN SEJARAH BANGUNAN

Balai Polis Panaga yang terletak di Seria merupakan Ibu Pejabat bagi Balai Polis di Daerah Belait. Pada mulanya bangunan ini hanya menempatkan Balai Polis Panaga sahaja sebelum Daerah Polis Belait (Ibu Pejabat Daerah) berpindah ke Balai Polis Panaga dan ditempatkan di dalam satu bangunan. Bangunan ini telah dibina pada tahun 1959 dan mengalami fasa pertama pengubahsuaian dan pembaikan dalam memenuhi peranan fungsi balai. Balai ini telah ditutup sejak 1 April 2008 untuk menjalani penyelidikan bagi memastikan keperluan balai itu sendiri untuk dibukakan semula. Ini termasuk seiring dengan perkembangan Rancangan Perumahan Negara (RPN) atas beberapa faktor, seperti peningkatan populasi di Daerah Belait, peningkatan kes-kes jenayah, maka satu kertas kerja telah disiapkan untuk menyokong pembukaan semula balai tersebut. Majlis Perasmian bagi pembukaan semula balai berkenaan yang kini berwajah baharu telah berlangsung pada 3 Jun 2019. Pembukaan semula balai berkenaan merupakan peluang bagi Pasukan Polis yang berkhidmat di Balai Polis Panaga dalam membentuk hubungan rapat bersama masyarakat sekeliling dalam sama-sama membantu mengekalkan keamanan di sekitar kawasan sejajar dengan wawasan Brunei 2035, iaitu menjadikan Brunei sebagai sebuah negara yang selamat.²

BALAI POLIS PANAGA DIBAIK PULIH

kerja-kerja pengubahsuaian bangunan telah dijalankan sekitar tahun 2018. Balai Polis Panaga telah ditutup sejak 1 April 2008 namun pentadbiran bahagian Ibu Pejabat Daerah masih berjalan seperti biasa di bawah kawalan Pentadbiran Polis Daerah Kuala Belait yang bertempat di tingkat 2 bangunan Balai Polis Panaga. Fasa pertama pembaikan melibatkan bahagian bawah bangunan dan tambahan pada belakang bangunan bagi menyelaraskan fungsi perkhidmatan bangunan sebagai Balai Polis. Manakala fasa kedua dan ketiga akan memerlukan lebih banyak pengubahsuaian dan kewangan yang teliti. Hasil daripada penelitian yang dijalankan, masih terdapat beberapa bahagian bangunan balai terutama bahagian luar yang masih lagi sama seperti sebelumnya mengikut dari perbandingan gambar lama.

1 Pelita Brunei, hlm. 11, Rabu 19 Januari 2011.

2 Media Permata Online bertarikh 4 Jun 2019.

SEJARAH BALAI POLIS PANAGA

Balai Polis Panaga pernah diserang berkali-kali semasa pemberontakan 8 Disember 1962. Balai berkenaan mempunyai bekalan simpanan senjata yang mencukupi ketika itu sehingga kedatangan bantuan asing. Pada masa itu balai berkenaan diminta untuk diserahkan oleh pemberontak namun telah gigih dipertahankan oleh Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang merupakan Pegawai Daerah Belait bersama-sama dengan anggota Kontinjen Polis Malaya yang ditempatkan di balai tersebut semenjak tahun 1956. Leftenan Kolonel McHardy telah merancang untuk menggempur pihak pemberontak dari salah satu sudut barat Seria, dengan tujuan untuk menyelamatkan Balai Polis Panaga sehingga dalam pertempuran tersebut, pihak mereka telah berjaya menyelamatkan balai tersebut.³

LAWATAN KERJA DAN PENYELIDIKAN AWAL

Pada 16 November 2019, empat orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Arkeologi dan Monumen⁴, telah melakukan lawatan kerja dan penyelidikan ke atas Balai Polis Panaga, Seria. Balai ini termasuk dalam cadangan pewartaan memandangkan usia bangunan yang sudah mencecah 60 tahun. Semasa lawatan kerja ini, sesi perbincangan juga telah diadakan bersama pihak Pasukan Polis Panaga.

Sesi perbincangan adalah bertujuan untuk mendapatkan beberapa maklumat asas seperti, latar belakang dan sejarah bangunan, fasa-fasa projek pengubahsuaian bangunan termasuk gambar-gambar lama balai berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak Balai Polis Panaga menyarankan untuk bekerjasama dengan Ibu Pejabat Polis, Gadong, memandangkan penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat sudah diserahkan di sana berserta gambar-gambar lama. Ini ditambah dengan penubuhan Galeri Muzium Polis yang mempamerkan sejarah dan latar belakang penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Dalam lawatan kerja dan peninjauan ke atas bangunan Balai Polis Panaga, bangunan ini sudah selesai fasa pertama pengubahsuaian. Pihak kami berpeluang untuk meninjau sekeliling bangunan dan apa yang menarik perhatian adalah bekas tembakan peluru yang masih dapat dilihat hingga sekarang, bukti dari peristiwa serangan pemberontakan 8 Disember 1962. Selain itu juga kami berpeluang untuk melihat sendiri beberapa buah penjara yang dalam pengubahsuaian untuk mencapai standard dan garis pandu yang diperlukan untuk sebuah penjara. Kami juga sempat meninjau ke bahagian belakang bangunan dan melawat beberapa buah bilik yang diubah suai untuk menepati fungsinya seperti bilik penyiasatan dan bilik rehat. Di samping itu juga wakil dari Balai Polis Panaga turut membawa kami ke satu kawasan menembak yang dahulunya digunakan ketika sesi latihan menembak sebelum berpindah ke tempat yang baru.

PENYELIDIKAN SUSULAN BALAI POLIS PANAGA, SERIA

Penyelidikan susulan mengenai Balai Polis Panaga telah diteruskan dengan lawatan kerja ke Galeri Muzium Polis, yang terletak di kawasan Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong, pada 12 Disember 2019 dengan pihak Ibu Pejabat Balai Polis Gadong.

3 8 Disember Dalangnya Siapa? hlm. 67 dan 75, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Jamil Al-Sufri.

4 Masnunah binti Haji Bakar, Hajah Roziah binti Haji Anak, Muhammad Syahirani bin Haji Sulaiman, dan Awang Mohammad Jaya bin Haji Taha.

Sesi penyelidikan kali ini memfokuskan mengenai sejarah Balai Polis Panaga seperti yang ada dalam pengisian poster pameran di Galeri Muzium berkenaan. Namun menurut Ketua Pengawas Galeri⁵, maklumat yang didapatkan mengenai sejarah, gambar-gambar lama Balai Polis Panaga adalah terhad seperti yang dapat dilihat melalui poster yang ada di dalam Galeri Muzium tersebut.

Beliau menambah, simpanan gambar lama yang diperolehi mengenai balai itu juga hanya dua keping dan mengharapkan pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei dapat berkongsi lebih banyak maklumat mengenainya nanti.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Arkeologi dan Monumen⁶ akan diteruskan dengan menemu bual salah seorang informan yang merupakan bekas anggota polis di Balai Polis Panaga bagi mendapatkan maklumat dan cerita-cerita dari sejarah pemberontakan 8 Disember 1962 yang masih belum dirungkai untuk direkodkan dan menambah nilai kepada maklumat yang sedia ada. Penyelidikan juga akan cuba berhubung dengan pihak logistik Balai Polis Panaga, bagi mendapatkan maklumat secara lebih terperinci mengenai latar belakang kerja-kerja membaik pulih bangunan Balai Polis Panaga yang ketika ini telah selesai fasa pertama.


KESIMPULAN

Balai Polis Panaga mempunyai potensi untuk diwartakan sebagai monumen yang bersejarah memandangkan bangunan ini menepati beberapa kriteria pewartaan seperti mempunyai nilai sejarah, yang merupakan salah satu balai yang selamat daripada ditawan semasa pemberontakan 8 Disember 1962. Manakala dari segi usia pula ianya sudah berusia lebih 50 tahun dengan mengambil kira seni bina asal yang masih kekal hingga ke hari ini. Dengan adanya kriteria tersebut ianya akan menyumbang nilai pembelajaran kepada generasi muda dalam sama-sama menghargai sejarah dan warisan yang ada di Negara Brunei Darussalam.



5 APO SGT. 5524, Lampas Anak Sawang.

6 Masnunah binti Haji Bakar, Hajah Roziah binti Haji Anak, dan Muhammad Syahirani bin Haji Sulaiman.



Bahagian tingkat bawah balai yang menempatkan penjara yang masih dalam kerja-kerja pengubahsuaian dalam fasa pertama pembaikan.



Kesan tembakan peluru di bahagian jendela yang dipercayai kesan peristiwa pemberontakan 1962.



Bahagian belakang bangunan.



Pemandangan bahagian hadapan bangunan.



Pasukan Polis Malaya di Balai Polis Panaga dalam tahun 1962 (Gambar sumber Arkib Negara Brunei Darussalam).

KURSUS AEROBIK LEVEL 1

OLEH: AZURA BINTI HAJI ASLI

Kursus Aerobik Level 1 sesi 2019 ini dikendalikan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Kursus ini dijalankan selama lebih kurang dua minggu bermula pada 17 hingga 30 Julai 2019 bertempat di Pusat Optima, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Bolkiah Garison.

Seramai 34 orang peserta telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada 17 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 2 orang daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, 5 orang daripada Pasukan Bomba dan Penyelamat, 2 orang daripada Jabatan Penjara, 4 orang daripada Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, dan 4 orang lagi daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dua orang daripada empat orang wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah dari Jabatan Muaium-Muzium; Azura binti Haji Asli dari Bahagian Etnografi, dan Noriada Emela binti Abdullah Brandwijk dari Bahagian Ilmu Kejadian.

Pada permulaan kursus para peserta diberikan taklimat mengenai peraturan-peraturan semasa menjalani kursus yang patut dipatuhi. Waktu kursus ialah dari Isnin hingga Jumaat mulai jam 7.15 pagi hingga jam 12.15 tengah hari dan disambung semula pada jam 1.30 petang hingga jam 5.00 petang. Sebelum memulakan latihan, peserta diarahkan untuk membuat pemanasan badan, seperti berlari dan *dynamic exercise* bagi mengelakkan berlakunya kekejangan otot.

Kursus ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu *body combat* dan *Zumba*. Jurulatih terdiri daripada anggota ABDB, iaitu Rosemarie Abejo Prabhakaran (Ketua Jurulatih), 16793 Ssjn Pengiran Muhd Mursyid bin Pengiran Haji Ali dan 21519 Kpl Nurulhafizah binti Haji Sidek (Penolong Jurulatih).

Body Combat dilakukan dengan irungan muzik serta koreografi. Gerakannya termasuk pukulan, tangkisan dan tendangan, sesuai dilakukan bagi meningkatkan stamina dalam tubuh badan. Bukan hanya itu, gerakan ini juga dapat meningkatkan fungsi jantung, paru-paru dan boleh menolong menghindar daripada serangan jantung. *Zumba* pula adalah kombinasi elemen tarian dan aerobik. Tarian *Zumba* ini memberikan kelebihan kepada kecergasan dan kesihatan di samping mengikut rentak gabungan salsa, mambo, hiphop, latin dan sebagainya.

Di penghujung sesi kursus, semua peserta telah dinilai dan diberikan ujian berkumpulan dan perseorangan di hadapan peserta kursus yang lain. Manakala majlis penyampaian sijil peserta telah disampaikan oleh Kolonel (U) Pengiran Haji Mohammed Hasreen bin Pengiran Haji Ali Hassan, Pengarah Pusat Optima Kecergasan Tentera, Bolkiah Garison, pada hari penutup kursus tersebut.

Setelah tamat kursus, peserta dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah membuat kelas aerobik pada 17 September 2019, bertempat di Pedestrian berdepanan dengan Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Hasil daripada kursus yang diperolehi, peserta kursus dari Jabatan Muaium-Muzium telah mewakili untuk mengetuai aktiviti senamrobik bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang diadakan pada setiap hari Sabtu.

INNOVATIVE FORUM FOR ASEAN MUSEUMS TOWARDS ACHIEVING SCIENCE AND SDG AWARENESS IN THE COMMUNITY

OLEH: NOR HAYATI BINTI HAJI ASAR

Forum ini dianjurkan oleh The National Science Museum Thailand (NSM), Thai Academy of Science and Technology (TAST) dan Thai Young Scientists Academy (TYSA), dan ditaja bersama oleh InterAcademy Partnership (IAP) dan National Science Musuem Thailand (NSM). Innovative Forum for ASEAN Museums towards Achieving Science and SDG (Sustainable Development Goal) Awareness in the Community merupakan susulan daripada forum yang diadakan pada tahun sebelumnya (2017), diadakan selama dua hari, 18–19 Ogos 2019 bertempat di IMPACT Exhibition Center, Impact Muang Thong Thani, Nonthanburi, Thailand. Forum ini diadakan semasa National Science and Technology Fair 2019 sedang berlangsung.

Seramai 23 orang peserta terdiri daripada ahli saintis muda dan wakil muzium dari negara ASEAN yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Republik Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapura, Thailand, dan Vietnam. Wakil dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei yang menghadiri forum ini ialah Hajah Siti Norhayatty binti Haji Morni; Pemangku Kurator Pemeliharaan dan Pembaikan/Pegawai Saintifik, dan Nor Hayati binti Haji Asar; Juruteknik Makmal Kanan, manakala dari Universiti Teknologi Brunei diwakili oleh Pengiran Haji Azhan bin Pengiran Haji Ahmad; Lecturer/Exam Officer.

Objektif forum ini diadakan adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran orang awam mengenai sains serta SDGs (Sustainable Development Goal) kepada masyarakat melalui muzium.
2. Membina dan mengukuhkan kerjasama antara muzium negara ASEAN dan para saintis muda.
3. Berkongsi pengalaman dan membincangkan peranan muzium dalam membina budaya sains.
4. Membangunkan garis panduan dan mekanisme bagi muzium untuk bekerjasama dengan para saintis muda untuk memperkenalkan sains kepada masyarakat.

Majlis perasmian forum telah dilaksanakan pada 18 Ogos 2019 dan disempurnakan oleh Dr. Aphiya Hathayatham, Vice President of the National Science Museum Thailand.



Welcome speech dari Dr. Aphiya Hathayatham, Vice President of the National Science Museum Thailand.

Forum ini dibahagikan kepada sesi dalam bentuk pembentangan oleh lima orang penceramah yang dijemput dan diikuti sesi pembentangan para peserta forum hasil dari perbincangan secara berkumpulan.

Penceramah pada forum tersebut membentangkan:

1. *Innovative Forum for ASEAN Museums Towards Achieving Science and Sustainable Development Goal Awareness in the Community* – Mr. Royce TS Tan Director, Bosch Rexroth Sdn. Bhd. Malaysia.

Membentangkan mengenai latar belakang Bosch Rexroth Sendirian Berhad, sebuah syarikat yang besar dan berjaya telah menghasilkan pelbagai aplikasi mudah alih, aplikasi jentera dan kejuruteraan, dan alat automotif kilang. Pembentangan juga menegaskan keperluan menghubungkan sains dan teknologi kepada masyarakat dengan memperkenalkan kisah kejayaan yang menyelesaikan isu-isu penting dan global, contohnya banjir pada tahun 2011 di Thailand dan perubahan cuaca iklim yang tidak menentu.

2. *Implementation of Sustainable Development Goal in Thailand: Progress and Challenges* – Dr. Nuttavikhom Phanthuwongpakdee Researcher Coordination for SDGs in Thailand (SDG Move).

Pembentangan lebih tertumpu kepada 17 matlamat perlaksanaan “Sustainable Development Goals” (SDG) dalam menangani masalah dunia, seperti sosial, ekonomi, alam sekitar, dan cabaran politik. Dr. Nuttavikhom Phanthuwongpakdee menegaskan para penyelidik, saintis dan jurutera memegang peranan penting dalam menjana pengetahuan dan kemajuan teknologi untuk menyokong “Sustainable Development Goal”. Dengan meningkatkan usaha kesedaran dan menggalakkan kefahaman mengenai “Sustainable Development Goal” di kalangan orang ramai, ianya bertujuan untuk menamatkan kemiskinan yang melampau, melindungi pencemaran alam sekitar dan membina kemakmuran dan keamanan untuk semua orang.

3. *Experience Sharing on Roles of Museums in Building Science Culture* – Dr. Sasiphan Khaweerat Senior Nuclear Scientist, Thailand Institute of Nuclear Technology.

Sesi ini membincangkan tentang hubungan antara seni dan sains, merupakan hal yang berkaitan erat. Walaupun sains dan seni mempunyai kaedah yang berbeza tetapi matlamat dan motivasi sains dan seni adalah sama. Perbincangan berkisar penggunaan “non-destructive techniques” di Thailand untuk mengklasifikasi dan menyenaraikan isi kandungan artifik serta untuk tujuan penyelidikan artifik. Dengan menjalankan kajian saintifik dan ujian makmal bagi mengenal pasti kandungan dan sifat bahan artifik atau binaan serta tahap kerosakannya, keputusan kajian saintifik dan ujian makmal dapat dijadikan bukti sokongan dalam membuat sebarang keputusan terhadap kerja pemuliharaan, akan tetapi kaedah ini tidak dicadangkan kerana memerlukan sampel artifik yang boleh menjaskan dan mengorbankan artifik tersebut.

4. *Sustainable Development Goals Participatory Guarantee System: An Area Based Collaborative Organic Agricultural Development Model* – Dr. Anurug Ruangrob Secretary General, Thailand Sustainable Agricultural Confederation.

Dr. Anurung Ruangrob membentangkan “Sustainable Development Goal” adalah rangka tindakan untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan, dapat menangani cabaran global yang dihadapi pada masa ini berkaitan dengan pencemaran udara, kemiskinan, perubahan cuaca iklim yang tidak menentu, keamanan dan keadilan. Beliau juga membentangkan dengan perlaksanaan kaedah pertanian menggunakan teknik secara organik dengan berkekalan adalah salah satu antara penyelesaian kepada “Sustainable Development Goal”. Pembentangan

menegaskan mengamalkan sistem kaedah pertanian menggunakan teknik secara organik dengan berkekalan bukan sahaja dapat meningkatkan dan mencapai keselamatan makanan hasil produk tanaman yang sihat, akan tetapi dapat mengawal dan melawan kemiskinan melalui mengurangkan kos perbelanjaan untuk membeli input kimia racun serangga perosak serta dapat mengawal daripada pencemaran bahan-bahan kimia kepada alam sekitar.

5. *Inspiring Success Stories: Wat Umong Project: An Excellent Blending of Art and Science* – Dr. Atichart Kettapun Department of Mathematics, Faculty of Science, Chiang Mai University dan Dr. Surachai Jongjitngam Department of Thai Art, Faculty of Fine Arts, Chiang Mai University.

Sesi perbincangan mengenai kejayaan projek “Wat Umong” Dr. Atichart dan Dr. Surachai Jongjitngam. Penyelidikan di Kuil Umong bermula dengan pendidikan seni melalui projek ini untuk mengesan masa lalu lukisan “Wat Umong” oleh Ajarn Surachai Jongjitngam, Pensyarah di Jabatan Seni Thailand Fakulti Seni Halus Universiti Chiang Mai dan pasukannya Dr. Aticha Kettaphan dari Jabatan Matematik dan Dr. Siriwan Kettaphan dari Jabatan Kimia Fakulti Sains Universiti Chiang Mai bersama Ajarn Surachai dan diasaskan oleh Unit Penyelidikan Matematik dan Arkeologi di bawah Fakulti Sains Universiti Chiang Mai yang telah ditubuhkan pada tahun 2007 oleh penyelidikan pertama unit penyelidikan.

“Wat Umong” adalah kuil Buddha yang tertua di Thailand, berusia antara 500–600 tahun, moral lukisan terdapat di dinding “Wat Umong” adalah antara lukisan yang tertua di negara itu.

Dalam sesi perbincangan, beberapa masalah dikongsi dan dibincangkan. Para peserta ahli saintis muda dan wakil muzium dikehendaki secara aktif mengambil bahagian dalam perbincangan dan menghasilkan pelan idea kreatif yang boleh dilaksanakan untuk menangani masalah yang dibincangkan tersebut.

Majlis penutup telah dilaksanakan pada hari Isnin, 19 Ogos 2019, bertempat di Amber 2, IMPACT Exhibition Center, Impact Muang Thong Thani, Nonthanburi dan dihadiri oleh Assistant Professor Dr. Rawin Raviwongse, President National Science Museum Thailand.



Sesi bergambar ramai selepas perasmian forum.



Sekitar sesi perbincangan dan menghasilkan pelan idea secara berkumpulan.

ASEAN-UNESCO FORUM ON SOUTHEAST ASIA MINISTRIES OF CULTURE ON UNDERWATER HERITAGE: SAFEGUARDING AND REVIVING THE SHARED MARITIME CULTURAL HERITAGE OF SOUTHEAST ASIA

OLEH: MUHAMMAD KHAIRUN HAZIM BIN HAJI MAT SANI
MUHAMMAD SYAHIRANI BIN HAJI SULAIMAN

Forum Perlindungan dan Pemulihan Khazanah Warisan Budaya Maritim (Underwater Cultural Heritage) Asia Tenggara telah diadakan selama lima hari, dari 5 hingga 8 November 2019, bertempat di Jakarta dan Belitung, Indonesia.

Forum ini dikendalikan oleh UNESCO dan Sekretariat ASEAN dengan kerjasama dan sokongan daripada Kementerian Koordinasi Hal Ehwal Maritim Republik Indonesia dan Yayasan Negeri Rempah. Peserta-peserta yang menyertai forum ini terdiri dari anggota ASEAN, iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, dan Vietnam. Manakala pakar-pakar dari Australia, Belanda dan Singapura juga dijemput untuk bersama-sama mengongsikan ilmu mengenai warisan budaya bawah air.

Sesi perjumpaan ini menyediakan platform kepada peserta untuk membincangkan potensi khazanah warisan maritim atau warisan budaya bawah air untuk bertindak sebagai panduan pembangunan saintifik, budaya dan ekonomi, serta bertukar idea untuk kerjasama dan langkah-langkah antarabangsa bagi meningkatkan perlindungan dan pemulihan atas nilai warisan secara nasional dan antarabangsa.

Forum ini adalah susulan daripada Persidangan ASEAN-UNESCO mengenai Perlindungan Warisan Bawah Air pada tahun 2017 di Makassar, yang mencadangkan mekanisme kebangsaan untuk mempertingkatkan warisan maritim, dan dialog yang berterusan untuk menggalakkan inisiatif serantau dan nasional.

RINGKASAN KURSUS

Sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk menggalakkan negara-negara Asia Tenggara memelihara maritim dan warisan budaya bawah air, forum ini bertujuan untuk:

1. Meningkatkan kesedaran kepada kepentingan pihak berkuasa ASEAN dalam pembangunan mampan dan perlindungan warisan budaya maritim dan bawah air.
2. Mengenal pasti isu-isu dan cabaran serta kerjasama antara pihak yang berkepentingan untuk melindungi maritim dan warisan kebudayaan bawah air di rantau ini.
3. Membentangkan ciri-ciri dan faedah-faedah mengenai konvensyen UNESCO 2001 dalam melindungi khazanah warisan budaya dasar laut, supaya negara ASEAN dapat memberi galakan untuk meratifikasi dan melaksanakan langkah-langkah sedemikian.
4. Membina persetujuan dan mengenal pasti tindakan penting yang diperlukan untuk menjaga dan memulihara pembangunan warisan budaya maritim dan bawah air di rantau ini.

FEEDBACK DAN CADANGAN

Warisan budaya bawah air mempunyai potensi besar bagi penyelidikan saintifik dan pendidikan yang berharga. Tapak pra-sejarah di bawah air adalah penting untuk memahami perkembangan tamadun manusia. Begitu juga sejarah kapal karam dapat memberikan maklumat penting mengenai pertukaran budaya masa lalu, perdagangan melalui bukti peninggalan bandar-bandar/tempat-tempat yang tenggelam, tempat tinggal dan tempat keagamaan.

Hasil daripada forum tersebut telah memberikan kesedaran dalam mendedahkan dan mendidik masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam supaya menghargai khazanah warisan budaya negara dan dihasratkan dapat mewujudkan jaringan kerjasama di antara Jabatan Muzium-Muzium bersama agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan, pihak-pihak organisasi bukan kerajaan dan pihak swasta yang lain. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan pertimbangan ke atas warisan dan kebanggaan tempatan terhadap warisan budaya negara kitani.

Jabatan Muzium-Muzium sebagai pemegang Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam mencadangkan perkara-perkara berikut:

- a) Menyemak semula Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam terhadap bahan-bahan budaya maritim/bawah air.
- b) Pemberigaan Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam di peringkat nasional, seperti mengadakan sesi taklimat kepada Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung, dan mungkin seterusnya sekolah-sekolah.
- c) Mengadakan bengkel atau latihan dari segi pertukaran pandangan dan kaedah-kaedah (praktikal) di kalangan pakar arkeologi ASEAN.
- d) Mengeratkan kerjasama dan sokongan yang sedia ada bagi pihak-pihak yang berkepentingan dengan maritim / dasar laut, seperti Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Ukur, Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan yang berkaitan, bagi tujuan keselamatan dan penyelidikan terhadap warisan kebudayaan maritim/bawah air mahupun bahan-bahan artifak.
- e) Kursus dan latihan dalam bidang arkeologi bawah air adalah penting bagi memberikan sumbangan yang terbaik untuk kemajuan jabatan terutamanya dalam bidang tersebut yang memerlukan kemahiran dan kepakaran yang tinggi. Dengan itu juga boleh mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dan diperaktikkan daripada kursus dan latihan supaya negara kitani mampu berdiri setanding dengan negara lain dalam bidang arkeologi bawah air atau maritim.

FAEDAH DAN PERANCANGAN

Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merupakan institusi unggul bagi penyelidikan warisan budaya di darat mahupun dasar air, perlu mendapat sokongan yang lebih padu terutama dalam memelihara peninggalan-peninggalan warisan budaya negara. Penglibatan dalam persidangan, forum, seminar, simposium dan bengkel serta kursus-kursus berkaitan membolehkan kerjasama dengan negara ASEAN yang mempunyai undang-undang serta polisi yang lebih menyeluruh. Selain itu, sokongan dan kerjasama dari pihak-pihak yang berkaitan di dalam negara juga dapat meningkatkan kesedaran akan kepentingan memelihara warisan budaya kitani.

LAWATAN

Selain forum dan perbincangan sesama peserta, sesi lawatan ke tempat-tempat yang berkaitan dengan forum ini juga dikendalikan oleh negara tuan rumah. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah Indonesia Maritime Museum IPC, Tanjung Kelayang Granite Geosite, Museum Tanjung Pandan, dan Rumah Adat Belitung.

INDONESIA MARITIME MUSEUM IPC

Indonesia Maritime Museum IPC yang terletak di Pelabuhan Tanjung Priok, Jakarta, Indonesia adalah tempat pertama sekali forum ini diadakan dan muzium ini juga baru sahaja dibuka rasmi.

Muzium ini mempunyai dua bilik pameran yang tetap. Bilik pameran yang pertama menunjukkan sejarah maritim Indonesia sebelum kemerdekaan malah sebelum zaman Sriwijaya dan Majapahit masuk ke dalam zaman penjajahan. Manakala bilik pameran yang kedua dipenuhi dengan sejarah maritim Indonesia setelah kemerdekaan terutama sejarah pembangunan pelabuhannya.

Pameran tetap yang menarik di tingkat bawah muzium telah difikirkan dengan teliti dan secara inovatif. Ia menceritakan sejarah maritim Indonesia dari perpindahan (migration) awal ke timur menuju ke Pasifik hingga saat ini, namun yang membezakannya dari muzium maritim lain di Jakarta adalah bahawa muzium ini menekankan pada pengembangan pelabuhan di Indonesia.



Indonesia Maritime Museum IPC, Pelabuhan Tanjung Priok, Jakarta, Indonesia.

TANJUNG KELAYANG GRANITE GEOSITE

Terletak di hujung bahagian utara Pulau Belitung. Terdapat beberapa ratus pulau yang mempunyai batu pesisir di sekelilingnya mengelilingi sekitar Belitung, juga memberikan landskap luar biasa. Geosite ini merupakan pandangan eksotik dari struktur batu pesisir yang terdiri daripada Triassic granit Tor morfologi bawah laut yang telah diiktiraf sebagai warisan geologi kelas dunia.

Perairan Belitung adalah laluan perdagangan penting sejak Kerajaan Srivijaya ke era colonial, perairan tersebut boleh difahami mengapa di sekeliling pulau-pulau menjadi rumah bagi kapal karam yang bersejarah.

MUSEUM TANJUNG PANDAN

Museum Tanjung Pandan yang terletak di tengah kota Pulau Belitung adalah muzium yang sudah awal berdiri sejak tahun 1928 dan sebelum ini muzium tersebut adalah muzium geologi yang diuruskan oleh Rudolf A.J Osberger dari Austria, beliau adalah seorang ahli geologi. Muzium tersebut berubah

menjadi Museum Tanjung Pandan, yang memiliki banyak koleksi bahan peninggalan manusia maupun bahan-bahan dari kapal karam yang dijumpai di sekitar Pulau Belitung. Koleksi-koleksi yang dipamerkan di muzium tersebut antaranya tembikar dari kapal karam dan senjata tentera peninggalan Jepun dan kolonial Belanda.



Museum Tanjung Pandan, Belitung, Indonesia.



Bilik pameran di Museum Tanjung Pandan.

RUMAH ADAT BELITUNG

Rumah Adat Belitung yang juga terletak di tengah kota Pulau Belitung adalah rumah replika klasik Belitung yang merupakan pameran, artifak budaya dan sejarah tempatan, seperti koleksi peralatan dan adat istiadat perkahwinan. Rumah Adat Belitung ini dibina pada tahun 2004 dan dibuka rasmi pada tahun 2009. Hampir semua bahagian rumah adat ini diperbuat daripada kayu bulian yang terkenal dengan kekuatan dan ketahanannya. Rumah Adat Belitung ini juga adalah tempat makan tradisional yang dipanggil berdulang.



Makanan tengah hari yang disediakan secara tradisional (berdulang).



BAHAGIAN ARKEOLOGI DAN MONUMEN

OLEH: DAYANG FATIMAH BINTI A.DAMIT

Bahagian Arkeologi dan Monumen telah menjalankan penyelidikan dan kerja-kerja lapangan serta aktiviti rutin, mengemas kini inventori bahan di stor Bangunan Arkeologi dan Pemuliharaan. Kerja-kerja lapangan termasuk kerja-kerja pemantauan dan pembersihan di tapak-tapak Arkeologi yang telah diwartakan.

Kerja-kerja pemantauan dan pembersihan di tapak-tapak arkeologi yang diwartakan seperti Tapak Kota Batu, Tapak Limau Manis dan Tapak Arang Batu telah dilaksanakan setiap minggu secara berjadual. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tapak-tapak berkenaan sentiasa dalam keadaan selamat, bersih dari masa ke semasa.

Pada 8 Muharram 1441 bersamaan 8 September 2019, aktiviti riadah berbasikal telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Riadah berbasikal pada tahun ini yang merupakan gabungan tiga sambutan, iaitu Riadah Berbasikal Keputeraan 2019 sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-73 tahun, Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-14, dan Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-8. Bahagian Arkeologi dan Monumen telah terlibat dalam permainan teka-teki corak tembikar piring biru putih, kendi biru putih dan gusi Sawankhlok celadon dari penemuan kapal karam tahun 1998.



Pada 10 September 2019, empat orang kakitangan Bahagian Arkeologi dan Monumen, iaitu Awang Muhammad Syahirani bin Haji Sulaiman, Awang Mohammad Jaya bin Haji Taha, Awang Haji Rosli bin Abdullah, dan Awang Haji Musa bin Apong terlibat dalam lawatan bersama Syarikat GT Industri dan Berakas Power Company ke Tapak Industri Arang Batu di Kampong Sabun, Muara. Lawatan bertujuan untuk memeriksa kawasan yang dicadangkan bagi pembinaan dan mengganti dua buah menara kabel elektrik yang baharu berhampiran tapak yang lama. Bahagian ini juga berperanan untuk menunjukkan kedudukan tapak-tapak bersejarah dan artifikat insitu bagi mengelakkan sebarang gangguan, kerosakan ke atas tapak-tapak bersejarah yang sedia ada.



Pada 10 September 2019, Bahagian Media dan Pendidikan telah mengadakan aktiviti “Singgah @Muzium” sempena cuti persekolahan penggal ke-2. Aktiviti ini juga turut mengambil tempat di Taman Arkeologi Kota Batu. Bahagian ini turut mengadakan aktiviti Kenali Arkeologi dengan membawa pelawat-pelawat yang terdiri daripada ibu bapa berserta anak-anak mereka bagi aktiviti mengayak tanah. Tanah yang bercampur dengan manik, duit syiling



dan pecahan seramik disediakan untuk diayak sebagai bahan-bahan temuan semasa kerja-kerja penggalian. Tujuan aktiviti ini adalah untuk mengenalkan bidang arkeologi kepada orang ramai yang terdiri dari latar belakang yang berbeza.

Pada 12 September 2019, diadakan majlis tahlil dan meraikan kepulangan jemaah haji bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1440H/2019M. Dayang Hajah Roziah binti Haji Anak, dari Bahagian Arkeologi dan Monumen, merupakan salah seorang jemaah haji yang diraikan.

Majlis bacaan Doa Selamat dan meraikan persaraan bagi Awang Muara bin Usin, diadakan pada 7 Oktober 2019. Penyampaian cenderahati dari Bahagian Arkeologi dan Monumen telah disampaikan oleh Dayang Hajah Nur Kamilah binti Haji Ismail, Pegawai Arkeologi.



Pada 19 Oktober 2019, diadakan aktiviti kempen kebersihan bagi Makam Sultan Muhammad Hassan (Sultan Brunei ke-9). Aktiviti ini merupakan anjuran Majlis Perundingan Kampong Sungai Bunga. Beberapa orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Arkeologi dan Monumen telah turut serta dalam kempen tersebut yang diketuai oleh Awang Erdi Herman bin Haji Tiban. Manakala wakil Pusat Sejarah Brunei, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi serta Pejabat Daerah Brunei dan Muara juga turut serta dalam aktiviti ini. Juga diadakan semasa kempen tersebut taklimat ringkas dan tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Muhammad Hassan.



Pada 13 Oktober 2019, Bahagian Arkeologi dan Monumen terlibat bagi Program Perjalanan Budaya sempena Walkathon Hari Guru di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Dalam aktiviti ini, Bahagian Arkeologi dan Monumen telah mempamerkan permainan teka-teki mengikut corak tembikar China dan Thailand hasil dari penemuan Kapal Karam Zaman Ming.

Pada 21 Oktober 2019, kerja-kerja meneliti Senarai Daftar Bahan Kayu di dalam Bilik Artifak Bangunan Arkeologi dan Pemeliharaan telah dijalankan. Bahan kayu tersebut adalah dari tapak Kota Batu dan Tapak Sungai Limau Manis. Bahan-bahan berkenaan telah dibungkus semula dengan menggantikan *acid free paper* yang telah rosak termasuk *bubble pack* dan seterusnya diberi penomboran untuk tujuan inventori.



Pada 2 November 2019, diadakan Majlis Pelancaran Petak Jualan bagi Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah

Tutong, di bangunan Muzium Maritim Brunei Darussalam. Bahan-bahan jualan merupakan hasil dari persatuan warga emas dari Daerah Tutong, seperti bakul anyaman bermacam warna, pasu bunga, beg tangan yang diperbuat daripada manik, makanan-makanan kering seperti kuih sapit, kuih cincin dan beraneka minuman. Petak Jualan Warga Emas ini diharap dapat memberi peluang kepada warga emas untuk menyumbang kepada pembangunan negara dengan memberikan hasil optimum sekali gus memberi pendapatan melalui *social enterprise*. Pelancaran disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Pengurus Warga Emas Daerah Tutong, Awang Haji Metamit bin Haji Matzin dan ahli-ahli Warga Emas, wakil dari Jabatan Pembangunan Masyarakat termasuk pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-Muzium.



Awang Muhammad Syahirani bin Haji Sulaiman, Tukang Pelan / Pengukur, di Bahagian Arkeologi dan Monumen telah menghadiri "Forum On Safeguarding And Reviving The Shared Maritime Cultural Heritage Of South East Asia" di Jakarta dan Belitung, Indonesia bersama Kurator Etnografi; Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, selama enam hari pada 4 hingga 9 November 2019.

Pada 10 November 2019, Bahagian Arkeologi dan Monumen bersama wakil dari Jabatan Perikanan telah mengadakan lawatan mengenai pengesahan kedudukan cadangan penambahan tapak-tapak bagi aktiviti ternakan ikan dalam sangkar. Tujuan Jabatan Perikanan mengadakan lawatan ini adalah bagi mendapat nasihat dan pandangan daripada Bahagian Arkeologi dan Monumen bagi cadangan penambahbaikan tapak-tapak ternakan ikan dalam sangkar yang terdapat di sekitar Tanjung Pulau Pelumpong, Pulau Keinggaran sehingga ke kawasan Pulau Chermin dan kawasan Sungai Bunga hingga ke kawasan Buang Tawar. Bahagian Arkeologi dan Monumen telah memastikan bahawa kawasan tersebut adalah tidak termasuk dalam tapak-tapak arkeologi maritim kerana pembinaan sangkar ternakan ikan adalah di permukaan air sahaja dan tidak mengganggu tapak-tapak arkeologi maritim. Bahagian ini telah menekankan sekiranya terdapat penemuan bahan-bahan artifak semasa pembinaan, disarankan memaklumkan dengan segera kepada Jabatan Muzium-Muzium.

Pada 17 November 2019, Bahagian Arkeologi dan Monumen selaku Urusetia Lembaga Muzium melakukan penyelidikan awal ke atas Balai Polis Panaga, Seria. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengemas kini penyelidikan bangunan-bangunan lama di Daerah Belait dan untuk dimasukkan dalam cadangan senarai pewartaan monumen yang bersejarah. Balai Polis Panaga terletak di Seria sebagai Ibu Pejabat bagi Balai Polis di Daerah Belait. Bangunan ini dibina pada tahun 1959. Pada 1 April 2008, balai ini telah ditutup bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan pemberian dan dibuka semula pada 3 Jun 2019. Urusetia Lembaga juga turut mengadakan lawatan ke Bangunan Stor Negara, Daerah Belait

yang merupakan antara bangunan yang tertua di Daerah Belait. Pada asalnya bangunan ini dikawal oleh Jabatan Kastam bagi tempat penyimpanan beras. Pada masa ini, bangunan tersebut di bawah pengendalian Jabatan Pelabuhan dan telah dijadikan tempat menyimpan kargo barang-barang kapal yang berlabuh di daerah itu. Penyelidikan lanjutan akan diadakan bagi bangunan bersejarah ini.

Pada 12 Disember 2019 pula diadakan penyelidikan susulan Balai Polis Panaga, dengan mengadakan lawatan ke Galeri Muzium Polis bersama Ketua Pengawas Galeri, Timbalan Pengawas, dan Bahagian Pentadbiran bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Balai Polis Panaga, Seria. Hasil dari penelitian yang dijalankan masih terdapat beberapa bahagian bangunan balai terutama bahagian luar yang masih lagi sama seperti sebelumnya mengikut dari perbandingan gambar lama. Penyelidikan lanjutan akan diadakan bagi mendapatkan maklumat mengenai sejarah balai polis tersebut.



Sepanjang bulan September hingga Disember 2019, Muzium Maritim Brunei Darussalam, Tapak Arekologi Kota Batu menerima pelbagai pelawat dari dalam dan luar negara, antaranya pelajar dari Jerudong International School (JIS); Miftah An-Nur Islamic International School; Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun; Sekolah Rendah Tanjong Kindana; Sekolah Rendah Tentera Laut Di-Raja Brunei, PTI Muara; Sekolah Rendah Kampong Menengah Tutong; Sekolah Rendah Mulaut; Sekolah Panaga Seria; serta Sarjan Mejar Tentera Udara Republik Singapura.

BAHAGIAN ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

OLEH : HAJI MOHAMMAD ALI BIN HAJI TUNDAK
HAJI MUHAMMAD RUZAINI BIN HAJI MOHD DAUD

BANDARKU CERIA

Pada 8 September 2019, Arkib Negara Brunei Darussalam telah mengikuti Riadah Berbasikal Keputeraan 2019 yang diadakan bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Berbagai-bagai permainan dan kuiz telah diadakan oleh setiap bahagian-bahagian Jabatan Muzium-Muzium. Arkib Negara Brunei Darussalam mengadakan permainan yang dinamakan "Ring Toss" dan kuiz. Hadir mengikuti pada acara ini ialah Awang Haji Mohammad Ali bin Awang Haji Tundak, Awang Haji Muhammad Ruzaini bin Haji Mohd Daud, Awangku Mohammad Rawiyani bin Pengiran Haji Serudin dan Dayang Rabi'atul Adawiyah binti Damit.

Riadah berbasikal ini merupakan kombinasi tiga sambutan, iaitu Riadah Berbasikal Keputeraan 2019, Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang ke-14 dan juga Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang ke-8 sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-73.



Permainan "Ring Toss" dan kuiz.

MAJLIS PERSARAAN

Majlis meraikan persaraan Awang Haji Rusli bin Haji Kadir, Pegawai Reprografi, telah diadakan pada 26 September 2019 bertempat di bilik Pekerma Dewa, bangunan Arkib Negara. Majlis diselajurkan dengan bacaan tahlil dan doa selamat. Awang Haji Mohamad Jefri bin Haji Sabli, Pemangku Ketua Pegawai Arkib / Pegawai Arkib Kanan, telah memberikan ucapan tahniah dan terima kasih di atas khidmat yang disumbangkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak tahun 1988 lagi. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Qudduus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



AHLI JAWATANKUASA KERJA MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2019

Empat orang pegawai Arkib Negara Brunei Darussalam (ANBD), Jabatan Muzium-Muzium, Awang Zul Hilmi bin Haji Mohd Zain, Pegawai Arkib; Haji Mohammad Ali bin Haji Tundak, Penyelia Arkib; Haji Muhammad Ruzaini bin Haji Mohd Daud, Pegawai Penyelidik; dan Awangku Mohammad Rawiyani bin Pengiran Haji Serudin, Penolong Penyelia Arkib, telah dilantik selaku Ahli Jawatankuasa Kerja Pameran (Galeri), Majlis Ilmu 2019. Ahli Jawatankuasa ini ditugaskan untuk membantu dalam memastikan susun atur letak bahan pameran berada dalam keadaan sempurna dan rapi. Kerja-kerja ini dilaksanakan pada 5 hingga 12 Oktober 2019, di Balai Pameran Khazanah Islam, Jabatan Mufti Kerajaan. Ahli Jawatankuasa ini juga turut ditugaskan untuk membantu dalam menyediakan senarai inventori dan menjalankan kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan bahan artifak yang dipamerkan di Balai Pameran Khazanah Islam, Jabatan Mufti Kerajaan.



PENYELIDIKAN MANUSKRIPT SYAIR SULTAN AHMAD TAJUDDIN DI BAWAH PROGRAM PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM – UNISSA)

Bagi projek sulung di bawah Perjanjian Persefahaman ini, Arkib Negara Brunei Darussalam dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah bersetuju untuk melaksanakan usaha transliterasi dan menyelidik manuskrip “Syaer Sultan Ahmad Tajuddin” (Rujukan - ANBDMs. 1980.054), melalui tiga fasa, iaitu fasa 1 – Transliterasi; fasa 2 – Pengumpulan Data dan Analisis Data, dan fasa 3 – Penulisan.

Perjumpaan pertama bagi membincangkan mengenai projek penyelidikan ini telah diadakan pada 17 Rabi’ulawal 1441 Hijrah bersamaan 14 November 2019, yang dihadiri oleh Dayang Siti Syamiah @ Alaina binti Haji Mohammed, Pegawai Arkib (Focal Person), Haji Mohammad Ali bin Haji Tundak, Penyelia Arkib, dan Haji Muhammad Ruzaini bin Haji Mohd Daud, Pegawai Penyelidik. Universiti

Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diwakili Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab (Focal Person) dan Ustazah Hajah Norhayati binti Haji Abd Karim, Pensyarah Fakulti Bahasa Arab.

Perjumpaan kali kedua telah diadakan pada 24 Rabiulakhir 1441 Hijrah bersamaan 21 Disember 2019, dihadiri oleh Awang Zul Hilmi binn Haji Mohd. Zain, Pegawai Arkib, Haji Muhammad Ruzaini bin Haji Mohd Daud, Pegawai Penyelidik, dan Awangku Mohammad Rawiyani bin Pengiran Haji Serudin, Pemangku Penyelia Arkib/Penolong Penyelia Arkib. Manakala Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diwakili oleh Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab (Focal Person), Ustazah Hajah Norhayati binti Haji Abd Karim, Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, dan Ustaz Muhamad Sahrin bin Haji Masri.

Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk mengetahui perkembangan terhadap usaha penyelidikan yang dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak.



Perbincangan mengenai penyelidikan Manuskrip Syair Sultan Ahmad Tajuddin di bawah Program Perjanjian Persefahaman.

TAYANGAN VIDEO AKTIVITI MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN

Sempena musim cuti persekolahan Penggal 3 (Akhir), Arkib Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan aktiviti tayangan video yang terdiri daripada koleksi bahan audio-visual simpanan Arkib Negara Brunei Darussalam. Aktiviti ini diadakan di Muzium Teknologi Melayu, Kota Batu pada 2 hingga 8 Disember 2019.

Sebanyak empat buah koleksi video telah dipilih untuk ditayangkan seperti berikut:

Bil	Nama Video	Durasi
1	Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan	17 min 33 s
2	Brunei Bergembira	21 min 53 s
3	Perkembangan Ekonomi Brunei (Si Ali) Versi Melayu	17 min 42 s
4	The Evolution of Economy in Brunei (Si Ali) Versi Inggeris	17 min 42 s

Tayangan video ini dianjurkan dengan harapan agar dapat memberikan satu pilihan kepada pelajar, keluarga dan pengunjung muzium untuk berhibur sambil mendapatkan maklumat khususnya mengenai perkembangan sejarah di Negara Brunei Darussalam.

بریتا موزونم Laporan Bahagian

Sambutan yang ditonjolkan oleh para pengunjung yang mengambil kesempatan untuk menonton video-video yang ditayangkan cukup menggalakkan, seramai 1,693 orang telah mengikuti aktiviti ini.

Tarikh	Jumlah Pengunjung
2 Disember 2019	212 orang
3 Disember 2019	397 orang
4 Disember 2019	149 orang
5 Disember 2019	320 orang
6 Disember 2019	107 orang
7 Disember 2019	253 orang
8 Disember 2019	255 orang
Jumlah Keseluruhan	1,693 orang

Catatan jumlah pengunjung yang mengikuti aktiviti tayang video koleksi Arkib Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Muhammad Ruzaini bin Haji Mohd Daud, Pegawai Penyelidik dan Awangku Mohammad Rawiyani bin Pengiran Haji Serudin, Penolong Penyelia Arkib menyaksikan dan mengesahkan penghapusan Dokumen Kewangan Kerajaan *Collector's Statement* Tahun 1999–2001 Kementerian Pembangunan pada 10 Oktober 2019. Pada 17 Oktober 2019, Awang Zamri bin Juhor @ Johar, Pembantu Arkib Tingkat I, dan Awang Norizal bin Roseli, Pembantu Arkib Tingkat II, menyaksikan dan mengesahkan pemusnahan Dokumen Kewangan Jabatan Pembendaharaan, Kementerian Kewangan, pada 31 Oktober 2019, Awang Zul Hilmi bin Haji Mohd Zain, Pegawai Arkib dan Awang Norizal bin Roseli, Pembantu Arkib Tingkat II, menyaksikan dan mengesahkan penghapusan Dokumen Kewangan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Ketiga-tiga pelupusan ini bertempat di Tapak Pembuangan Sampah, Kampong Sungai Paku, Daerah Tutong.

BULAN	KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN	PENUNTUT	PERSENDIRIAN	SWASTA	JUMLAH
JANUARI	12	3	9	2	26
FEBRUARI	34	9	7	3	53
MAC	38	22	3	0	63
APRIL	17	5	3	0	25
MEI	14	4	3	0	21
JUN	2	0	2	0	4
JULAI	29	3	2	1	35
OGOS	10	4	2	1	17
SEPTEMBER	14	8	0	0	22
OKTOBER	20	1	1	0	22
NOVEMBER	18	0	2	0	20
DISEMBER	12	1	1	0	12
JUMLAH KESELURUHAN					320

Keramaian Penyelidik Sepanjang Tahun 2019.

BAHAGIAN ETNOGRAFI

OLEH : HAJI MUHD SUFYAN ISRYADUDDIN BIN ABDULLAH

Bahagian Etnografi, yang juga pengurus bangunan Muzium Teknologi Melayu, berusaha untuk menarik lebih ramai lagi pelancong untuk mengunjungi Muzium Teknologi Melayu. Pelbagai pendekatan telah, sedang dan akan diadakan untuk mencapai impian tersebut, salah satunya ialah mengadakan kempen kebersihan; di dalam dan luar bangunan Muzium Teknologi Melayu, menyediakan ruang legar untuk pameran sementara, serta menyediakan petak jualan untuk produk tempatan.

Pada 20 Safar 1441 Hijrah bersamaan 19 Oktober 2019, aktiviti membersihkan bangunan Muzium Teknologi Melayu dilaksanakan di bahagian depan pintu pejabat Bahagian Etnografi, dengan menyapu serta mencuci lantai yang kotor menggunakan penyembur air (water jet spray). Pada 26 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan 23 November 2019 pula membersihkan di bahagian belakang bangunan Muzium Teknologi Melayu, longkang serta kawasan garaj perahu dan sekelilingnya. Pada 1 Jamadilawal 1441 Hijrah bersamaan 28 Disember 2019, membersih kawasan depan bangunan, pintu masuk utama Muzium Teknologi Melayu, cermin, longkang serta tangga.

Pada 3 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan 31 Oktober 2019, diadakan Majlis Pelancaran Petak Jualan Produk Pusat Kegiatan Warga Emas (Cawangan Daerah Brunei dan Muara) dan Pusat Bahagia, bertempat di ruang legar, Muzium Teknologi Melayu. Pelbagai jenis produk tempatan hasil kerja tangan ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Cawangan Daerah Brunei dan Muara dijual di Muzium Teknologi Melayu, seperti bakul yang diperbuat daripada tali plastik, pasu bunga dan beg tangan yang diperbuat daripada manik dan juga pelbagai jenis makanan kering seperti kuih cincin, penyaram, kacang goreng berempah dan sebagainya. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aktiviti lain yang diungkayah di Muzium Teknologi Melayu ialah aktiviti sempena cuti penggal ketiga (bulan September 2019); dan cuti penggal akhir persekolahan (bulan Disember 2019), yang juga melibatkan bahagian lain, seperti Bahagian Media dan Pendidikan yang mengadakan aktiviti Maritah Berkunjung ke Muzium-Muzium, Arkib Negara Brunei Darussalam yang menayangkan filem lama koleksi Arkib Negara Brunei Darussalam, pada 2 hingga 8 Disember 2019.

Sepanjang bulan September hingga Disember 2019, Muzium Teknologi Melayu menerima pelawat dari pelbagai pihak dan latar belakang, antaranya Tuan Yang Terutama Mr Kailash Choudhary, Minister of Agriculture and Farmers' Welfare, The Republic of India, rombongan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, peserta-peserta Konvensyen Kepimpinan dan Variasi Budaya Asia Tenggara 2019/1441, penuntut dan pensyarah Universiti Teknologi Brunei, penuntut dan guru-guru Sekolah Menengah Rimba, murid-murid dan guru-guru Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin dan Sekolah Rendah Rimba III, Sekolah Rendah Batu Marang, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei, Sekolah Rendah Mulaut, Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait, peserta Pertukaran Kerja Sarjan Mejar Tentera Udara Republik Singapura dan pelancong dari kapal persiaran Dream Cruise dan Aida Vita.

BAHAGIAN MEDIA DAN PENDIDIKAN

OLEH : HAJI MAHRIN BIN HAJI ABAS
ERNA BINTI OMAR

UNIT PERKHIDMATAN PELAJARAN

Unit ini menyelaras aktiviti-aktiviti yang dijalankan, aktiviti sampingan sempena pameran dan menyelaras program bagi lawatan yang diadakan di dalam dan luar jabatan ini serta menerima undangan memberikan tunjuk ajar permainan tradisi.

Tarikh	Aktiviti	Tempat	Keramaian
9-12 September 2019	Aktiviti Singgah@Muzium	Muzium Teknologi Melayu Pusat Infomasi Taman Arkeologi, Kota Batu Galeri Sukan Negara Brunei Darussalam Muzium Alat Kebesaran Diraja	150 orang
21 September 2019	Mengajar mahasiswa UBD permainan pasang	Bangunan Arkib Negara	3 orang
30 September 2019	Permainan tradisi dan jualan buku sempena lawatan Muhibah Warga Emas Bandar Seri Begawan	Muzium Daerah Belait	45 orang
6 November 2019	Permainan Tradisi Sempena Lawatan Isteri-Isteri Persatuan Veteran ABDB (PERWIRA)	Muzium Daerah Belait	20 orang
23 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei	Sekolah Rendah Rataie, Temburong	251 orang

Aktiviti-aktiviti sampingan sempena pameran dan menyelaras program bagi lawatan yang diadakan di jabatan ini sepanjang September hingga Disember 2019.



Tarikh	Aktiviti	Tempat	Keramaian
4 September 2019	Jemputan Taklimat, Pertunjukan Permainan Tradisi dan Jualan Buku	Sekolah Rendah Dato Othman	451 orang
5 September 2019	Jemputan Mengadakan Aktiviti Permainan Tradisi	Sekolah Menengah Masin	Tidak ada catatan
8 September 2019	Riadah Berbasikal Keputeraan 2019	Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien	Tidak ada catatan
18 September 2019	Jemputan tunjuk cara permainan tradisi bagi "School Twinning Programme Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong dengan Montfort Secondary School, Singapore"	Sekolah Menengah Muda Hashim	41 orang
22 September 2019	Tunjuk cara Permainan Pasang Sempena Asean Sport Day	Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanal Bolkiah	16 orang
13 Oktober 2019	Perjalanan Kebudayaan, Bandarku Ceria	Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien	72 orang
11 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei (Pasang)	Sekolah Rendah Katok A	222 orang
12 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei	Sekolah Rendah Rimba III	306 orang
18 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei	Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan	220 orang
18 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei	Anthony Abell School	500 orang
19 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei sempena lawatan Bendemeer Primary School, Singapura	Sekolah Rendah Dato Othman Lambak Kiri	34 orang (BPSM) 69 orang (SRDO) (103 orang)
23 November 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei	Sekolah Rendah Rataie, Temburong	251 orang
9 Disember 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisi Brunei	Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Tutong	63 orang

Undangan memberikan tunjuk ajar permainan tradisi yang telah dipohonkan ke jabatan ini sepanjang September hingga Disember 2019.

بریتا موزونمر *Laporan Bahagian*



BERIKUT ADALAH STATISTIK OUTREACH PROGRAMME YANG DIKENDALIKAN SEPANJANG BULAN JANUARI – DISEMBER 2019.

BULAN	PERMOHONAN DALAM DAN LUAR JABATAN	PERMOHONAN SEKOLAH (RENDAH/ MENENGAH/IPT)	LAIN-LAIN (PERSATUAN/MPK/ SYARIKAT SWASTA)	JUMLAH
JANUARI	1	3	0	4
FEBRUARI	1	0	1	2
MAC	1	0	0	1
APRIL	4	1	1	6
MEI	0	0	0	0
JUN	2	1	0	3
JULAI	1	2	0	3
OGOS	2	1	0	3
SEPTEMBER	3	4	1	8
OKTOBER	1	0	0	1
NOVEMBER	0	6	1	7
DISEMBER	1	0	0	1
JUMLAH				39

LAWATAN SEKOLAH KE DEWAN-DEWAN BANGUNAN MUZIUM

Catatan jumlah keramaian lawatan dari sekolah-sekolah, maktab-maktab serta persatuan dan institusi pengajian tinggi ke dewan dan bangunan muzium dari bulan Januari hingga April 2019 adalah seperti berikut:

BULAN	MB	MTM	MAKD	TWTM	GS	GSNBD	MMBD	PITA	MDB
JAN	DITUTUP SEMENTARA BAGI PEMULIHARAAN BANGUNAN	319	79	32	0	0	209	0	68
FEB		233	115	0	149	402	66	49	0
MAC		313	289	16	136	0	341	231	86
APR		304	307	193	82	167	129	0	25
MEI		122	0	0	45	406	60	0	0
JUN		196	253	0	0	175	20	68	115
JULAI		297	423	0	50	764	372	0	0
OGOS		291	617	0	46	0	211	138	0
SEPT		167	775	0	34	137	361	139	81
OKT		322	330	8	67	0	236	0	0
NOV		1695	2893	43	171	347	1472	206	71
DIS		0	79	0	TUTUP	0	0	0	0
JUMLAH	-NIL-	4,259	6,160	292	780	2,398	3,477	831	446
JUMLAH KESELURUHAN					18,643 orang				

Bagi kunjungan lawatan penuntut-penuntut sekolah / maktab / institusi ke bangunan muzium-muzium bagi bulan Mei hingga Ogos 2019.

MB - MUZIUM BRUNEI

MTM - MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU

MAKD - MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

TWTM - TAMAN WARISAN TASEK MERIMBUN

GS - GALERI SENI

GSNBD - GALERI SUKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MMBD - MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

PITA - PUSAT INFORMASI TAMAN ARKEOLOGI

MDB - MUZIUM DAERAH BELAIT

UNIT PENERBITAN DAN PEMASARAN

Pada empat bulan terakhir, unit ini menerima sebanyak empat undangan Jualan Buku dari jabatan kerajaan dan dua undangan dari sekolah kerajaan.

Sempena Cuti Penggal Persekolahan pada bulan September 2019, unit ini menyertai jualan buku yang dikendalikan oleh Unit Perkhidmatan Pelajaran, iaitu Program Singgah @Muzium. Muzium yang dimaksudkan ialah Muzium Teknologi Melayu, Pusat Informasi Taman Arkeologi Kota Batu, Galeri Sukan Negara Brunei Darussalam, dan Muzium Alat Kebesaran Diraja. Program ini dijalankan pada 9 hingga 13 September 2019.

Unit menyertai jualan buku di Acara Perjalanan Kebudayaan, BandarKu Ceria, pada 13 Oktober 2019, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien dengan kerjasama Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sempena Simposium Antarabangsa Warga Emas 2019 (DIMENSA) “Perjalanan Menuju Kesamarataan Usia”, unit ini mengadakan jualan buku di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada 23 Safar 1441 bersamaan 22 Oktober 2019. Simposium ini merupakan anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada 28–29 Oktober 2019, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah menjemput jabatan ini bagi menyertai Expo Pameran & Jualan Buku, Sempena Majlis Konvokesyen Ke Sembilan KUPU SB 1441H/2019M, bertempat di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Pada 21 November 2019, unit ini mengadakan jualan buku di Majlis Perhimpunan Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Jualan buku ke sekolah-sekolah juga diadakan pada 4 September 2019 ke Sekolah Rendah Dato Othman sempena Program Muziumku Warisanku; dan Sekolah Rendah Rataie, Temburong, pada 21 November 2019.



BAHAGIAN PERPUSTAKAAN

OLEH : DAYANG AMALINA QAYYIMAH BINTI HAJI KASSIM

PEMBUKAAN BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Pada 13 Safar 1441 bersamaan 12 Oktober 2019, Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I dan Dayang Zimah binti Awang Moksin, Pembantu Perpustakaan Tingkat I, menghadiri Majlis Pembukaan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang terletak di Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan. Acara itu diselajurkan dengan perasmian Majlis Ilmu 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-73 tahun.

Pada 15 Safar 1441 bersamaan 14 Oktober 2019, Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I dan Dayang Normaya binti Hussin, Atendan Perpustakaan, menghadiri Seminar Majlis Ilmu 2019 bagi sesi 5 dan sesi 6, di Dewan Teater Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

PENYUSUNAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Pada 17 Safar 1441 bersamaan 16 Oktober 2019, Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I dan Dayang Normaya binti Hussin, Atendan Perpustakaan, bertugas di Stor Tingkat 1 Bangunan Arkib Negara bagi menyusun semula bahan-bahan dan peralatan yang diletakkan di stor tersebut. Antara bahan-bahan yang disusun adalah bahan Priority 3 dan 4 yang belum diproses, peralatan *stationery* dan *shelving*.

Manakala bermula 6 Rabiulakhir 1441 bersamaan 3 Disember 2019, Bahagian Perpustakaan telah melakukan kerja-kerja penyusunan semula rak-rak (*shelvings*) dan bahan-bahan koleksi perpustakaan dalam membuat persediaan bagi menerima *mobile compactor* dan rak-rak baharu dari Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta yang telah dibuat pembelian. Antara bahan-bahan yang disusun semula (*adjust*) adalah Koleksi Serial (KSIR), Koleksi Serial Brunei (KBRUS), Koleksi Jabatan Muzium-Muzium (KJMM), Koleksi Tesis (KTES), Koleksi Winston Churchill (KWC), dan Koleksi Terhad (KHAD).



PENERIMAAN BAHAN

Bermula pada 1 Rabiulawal 1441 bersamaan 29 Oktober 2019, Bahagian Perpustakaan telah menerima buku-buku daripada Arkib Negara Brunei Darussalam (ANBD) termasuk buku bacaan, laporan-laporan, majalah-majalah, bahan berjilid, seperti indeks tajuk dan fotokopi-fotokopi dokumen yang berjilid. Hampir 2,000 naskhah bahan telah diterima untuk diproses ke dalam koleksi-koleksi Bahagian Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium. Bahagian Perpustakaan juga telah menjemput Ketua Pustakawan dari Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan pustakawan-pustakawan dari kampus Institute of Brunei Technical Education (IBTE) dan Politeknik Brunei untuk memilih bahan-bahan yang akan dijadikan sebagai sebahagian daripada koleksi perpustakaan masing-masing.

Pada 5 Rabiulawal 1441 bersamaan 2 November 2019, Bahagian Perpustakaan juga telah menerima bahan buku bacaan, laporan-laporan, dan majalah-majalah sebanyak 647 naskhah dari Unit Perancangan, Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Muzium-Muzium. Bahan-bahan yang telah diterima termasuk bahan rujukan dari dalam dan luar negara seperti laporan-laporan, majalah-majalah dan buku-buku. Bahan-bahan ini akan diproses ke dalam koleksi-koleksi yang terdapat di Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium bagi tujuan rujukan dan simpanan jabatan.


Bermula 30 Rabiulawal 1441 bersamaan 27 November 2019, Bahagian Perpustakaan telah menerima arahan untuk turun dan melihat kawasan stor bahan di kawasan bilik daycare di aras bawah bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I, Dayang Zimah binti Awang Moksin, Pembantu Perpustakaan Tingkat I dan Dayang Naimah binti Bakar, Kerani di Bahagian Perpustakaan telah menjalankan tinjauan awal ke stor tersebut untuk melihat bahan-bahan yang terdapat di dalamnya. Bahan-bahan yang dipilih seperti laporan-laporan, bahan-bahan yang berkaitan dengan museologi dan berbentuk seminar adalah antara yang akan dimasukkan ke dalam pertambahan koleksi perpustakaan untuk tujuan rujukan para pegawai dan kakitangan di Jabatan Muzium-Muzium. Bahagian Perpustakaan juga telah menjemput pustakawan-pustakawan dari Institute of Brunei Technical Education (IBTE) dan Politeknik Brunei untuk memilih bahan-bahan yang akan dijadikan sebagai sebahagian daripada koleksi perpustakaan masing-masing.



PERSIDANGAN

ONLINE COMPUTER LIBRARY CENTER (OCLC), WORLDSHARE MANAGEMENT SYSTEM (WMS) DAN WORLDCAT DISCOVERY (WCD)

Pada 24 Safar 1441 bersamaan 23 Oktober 2019, Dayang Hajah Rosmina binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Perpustakaan dan Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I, menghadiri Seminar Online Computer Library Center (OCLC), Worldshare Management System (WMS) dan WorldCat Discovery (WCD) di Bilik Akik, Tingkat 1 Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD). Seminar diadakan oleh Online Computer Library Center (OCLC) untuk menerangkan mengenai produk-produk mereka, iaitu Worldshare Management System (WMS) dan WorldCat Discovery (WCD) bagi memperlihatkan bagaimana OCLC dapat membantu dalam menambah baik mutu perkhidmatan sesebuah perpustakaan. Taklimat disampaikan oleh Shu En-Tsai, Pengarah Eksekutif bagi OCLC Cawangan Perkhidmatan Asia-Pasifik, Ariel Yang, Pengurus Jualan dan Simon Lee, Konsultan Perkhidmatan Perpustakaan, para pustakawan dapat melihat perkhidmatan-perkhidmatan inovatif yang disediakan oleh produk-produk OCLC. WCD yang bertujuan bagi membantu para pustakawan dalam menjalankan tugasannya masing-masing dengan lebih terurus, cekap dan pantas. Jaringan global OCLC juga dapat membantu para pustakawan, pengguna perpustakaan dan juga penyelidik dalam pencarian bermacam jenis bahan dari pelbagai sumber di hujung jari, seperti koleksi Open Access (OPAC) HathiTrust dan JSTOR.



LIBATSAMA UNIVERSITI-KOMUNITI KEENAM / 6TH UNIVERSITY-COMMUNITY ENGAGEMENT CONFERENCE (UCEC 2019)

Pada 7–8 Rabiulawal 1441 bersamaan 4–5 November 2019, Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I, menghadiri Persidangan Libatsama Universiti-Komuniti Keenam / 6th University-Community Engagement Conference (UCEC 2019), yang telah aktif diadakan semenjak tahun 2009 oleh Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN). APUCEN adalah sebuah rangkaian serantau bagi institusi akademik pengajian tinggi yang mempromosikan budaya penglibatan universiti-komuniti dengan cara yang proaktif, menyeluruh, holistik dan serta sama. APUCEN percaya bahawa institusi pengajian tinggi dan komuniti boleh bekerjasama untuk menghasilkan idea dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat di rantau Asia Pasifik. Acara pada tahun 2019 dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) bersama Universiti Sains Malaysia (USM), dan berlangsung di Tarindak D'Seni, Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei. Dengan bertemakan "Navigating Community Engagement: Charting the Course for the 21st Century" sembilan sub-tema (subtheme) telah disampaikan oleh para pembentang, yang bertujuan untuk menekankan kepentingan memahami dan

menghargai satu sama lain dalam menghadapi cabaran secara berkesan sambil memaksimumkan semua peluang dalam era sekarang. Wakil pembentang dari Negara Brunei Darussalam dalam persidangan ini adalah Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini dan Dr. Hajah Halimaturradiah binti Dato Seri Setia Haji Metussin, dari UNISSA.



BREAK THE PATTERN

Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I, menghadiri kursus OC4109: Break The Pattern di Bangunan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dari 26 sehingga 28 November 2019. Fasilitator yang telah dijemput untuk menyampaikan kursus ini adalah BK Nanda dari Synergy Training and Consultancy, Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan bagi melatih para peserta cara-cara untuk memecah corak (break pattern) sesuai dengan keperluan. Kursus ini diharap akan membantu para peserta memberikan garis panduan praktikal kepada pemimpin yang mempunyai keinginan yang kuat untuk mencipta nilai transformasi untuk menolak corak tingkah laku atau anggapan yang telah lama dibuktikan yang tidak betul atau mempunyai penggunaan terhad dan membantu mengerak sesebuah organisasi ke dalam proses pembelajaran untuk mencapai *output* baru.

PENERIMAAN BUKU DI BAWAH AKTA PEMELIHARAAN BUKU-BUKU 1967 EDISI SEMAKAN 1984



Pada 3 Jamadilawal 1441 bersamaan 30 Disember 2019, sebanyak 179 naskhah salinan ke-3 buku-buku Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967 Edisi Semakan 1984 telah diserahkan ke Bahagian Perpustakaan untuk tujuan penyimpanan dan pemeliharaan bahan. Penyerahan ini adalah penyerahan kali kedua yang telah dibuat bagi tahun 2019.

MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

3 September 2019 – 30 orang tentera yang mengikuti 16th ASEAN Air Chiefs Conference (16th AACC) yang terdiri daripada Pemerintah-Pemerintah Tentera Udara Negara ASEAN bersama Isteri.

4 September 2019 – Rombongan 47 orang dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

5 September 2019 – Sekolah Ugama Sungai Teraban, Kuala Belait dan Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun.

16 September 2019 – Lawatan seramai 25 orang rombongan tentera yang diketuai Leftenan Jeneral Macairog S.Alberto, Commanding General, Philippine Army.

3 Oktober 2019 – Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas.

6 Oktober 2019 – 15 orang belia dari Negara Brunei Darussalam dan 15 orang belia dari Singapura yang mengikuti 6th Singapore-Brunei Youth Leadership Exchange Programme 2019 (SBYLEP).

9 Oktober 2019 – 60 orang yang mengikuti 18th ASEAN Committee on Women (ACW) and Related Meetings Regional Forum on Social Protection Policy Focusing on Elderly Women.

15 Oktober 2019 – Tuan Yang Terutama Mr Kailash Choudhary, Minister of Agriculture and Farmers' Welfare, The Republic of India.

21 Oktober 2019 – 4 orang pegawai serta 8 orang wartawan yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Chen Dehai, Setiausaha Agung ASEAN-China Centre (ACC).

31 Oktober 2019 – Mejari Jeneral Aleksandra Rubis Antolevich, Deputy Head of Main Directorate of Signals of Armed Forces of Russian Federation for Ordnance, berserta rombongan dan Universiti Teknologi Brunei ke Muzium Maritim Brunei Darussalam.

7 November 2019 – Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun dan Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging Ukong, Tutong, Kluster 5.

11 November 2019 – Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS) Muara, dan Sekolah Rendah Rimba III.

12 November 2019 – Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei dan Sekolah Rendah Delima Satu.

13 November 2019 – Sekolah Menengah Rimba dan Sekolah Rendah Mulaut.

16 November 2019 – Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

18 November 2019 – Sekolah Rendah Rimba III, Kluster 4.

19 November 2019 – Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait dan Sekolah Saint Andrew.

23 November 2019 – Sekolah Rendah Bukit Udal, Tutong.

21 November 2019 – Sekolah Menengah Rimba II.

25 November 2019 – Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.

25 Disember 2019 – Pelancong dari Kapal Persiaran Dream Cruise dan Aida Vita.

MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

- 4 September 2019 – Rombongan 47 orang dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- 5 September 2019 – Sekolah Ugama Sungai Teraban, Kuala Belait.
- 7 September 2019 – Peserta-peserta Konvensyen Kepimpinan dan Variasi Budaya Asia Tenggara 2019/1441.
- 15 Oktober 2019 – Tuan Yang Terutama Mr Kailash Choudhary, Minister of Agriculture and Farmers' Welfare, The Republic of India.
- 11 November 2019 – Sekolah Rendah Rimba III.
- 14 November 2019 – Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei dan Sekolah Rendah Kampong Menengah Tutong.
- 18 November 2019 – Sekolah Rendah Negalang, Temburong, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, dan Sekolah Rendah Rimba III.
- 21 November 2019 – Sekolah Menengah Rimba II.

MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU

- 4 September 2019 – Rombongan 47 orang dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- 7 September 2019 – Peserta-peserta Konvensyen Kepimpinan dan Variasi Budaya Asia Tenggara 2019/1441.
- 15 Oktober 2019 – Tuan Yang Terutama Mr Kailash Choudhary, Minister of Agriculture and Farmers' Welfare, The Republic of India.
- 31 Oktober 2019 – Universiti Teknologi Brunei.
- 11 November 2019 – Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin dan Sekolah Rendah Rimba III, Sekolah Rendah Batu Marang, dan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.
- 14 November 2019 – Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei dan Sekolah Rendah Mulaut.
- 18 November 2019 – Sekolah Rendah Rimba III.
- 19 November 2019 – Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait.
- 21 November 2019 – Pertukaran Kerja Sarjan Mejar Tentera Udara Republik Singapura seramai 15 orang dan Sekolah Menengah Rimba.
- 25 Disember 2019 – Pelancong dari Kapal Persiaran Dream Cruise dan Aida Vita.

TAPAK ARKEOLOGI KOTA BATU

7 September 2019 – Peserta-peserta Konvensyen Kepimpinan dan Variasi Budaya Asia Tenggara 2019/1441.

11 November 2019 – Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, dan Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei.

18 November 2019 – Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

21 November 2019 – Sekolah Menengah Rimba II.

27 November 2019 – Sekolah Panaga, Seria.

GALERI SUKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

13 November 2019 – Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei.

MUZIUM DAERAH BELAIT

28 September 2019 – Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut.

30 September 2019 – Program Lawatan Muhibah dari Wargamas Bandar Seri Begawan.

GALERI SENI

9 Oktober 2019 – 60 orang yang mengikuti 18th ASEAN Committee on Women (ACW) and Related Meetings Regional Forum on Social Protection Policy Focusing on Elderly Women.

Dayang Siti Syamiah @ Alaina binti Haji Mohammed, Pegawai Arkib menghadiri *Women In Leadership* pada 3–5 September 2019 (Sesi Pertama) bertempat di Institut perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar, Pegawai Perhubungan Awam menghadiri *Frontline Leadership* pada 16–17 September 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad, Pegawai Etnologi menghadiri *Developing Database Using Microsoft Access with Visual Basic* pada 16–21 September 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam.

Dayang Hajah Noorkamar binti Haji Murah, Atendan Dewan Kanan menghadiri Kursus Pengukuhan Islam 2019 (Kursus Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah) pada 16–19 September 2019 bertempat di Pusat Da’wah Islamiah.

Dayang Siti Syamiah @ Alaina binti Haji Mohammed, Pegawai Arkib menghadiri *Strategic Organisation Development and Transformation* pada 23–26 September 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Awang Muhammad Nadzrul Al-Hapeez bin Haji Awang Mohidi, Pembantu Pelukis dan Dayang Normariani binti Haji Mokti, Atendan, menghadiri Kursus Pengukuhan Islam 2019 (Kursus Tashawwuf) pada 23–26 September 2019 bertempat di Pusat Da’wah Islamiah.

Dayang Aminah binti Haji Majid, Kurator Arkeologi dan Dayang Hajah Nur Kamilah binti Haji Ismail, Pegawai Arkeologi, menghadiri *International Conference on Archaeology 2019: Promoting Archaeology As Heritage Tourism* pada 26–28 September 2019, di Pullman Waterfront Hotel Miri, Sarawak.

Dayang Siti Syamiah @ Alaina binti Haji Mohammed, Pegawai Arkib menghadiri *Women In Leadership* pada 2–3 Oktober 2019 (Sesi Kedua) bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Awang Haji Muhammad Ruzaini bin Haji Mohd Daud, Pegawai Penyelidik menghadiri *Data Analysis And Decision Making with Microsoft Excel* pada 14–19 Oktober 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Siti Norhayatty binti Haji Morni, Pegawai Saintifik dan Dayang Aziah binti Haji Ahmad, Pegawai Pemeliharaan menghadiri Persidangan Antarabangsa “*Collection Care: Staying Relevant in Changing Times, ASEAN and Beyond International Conference*” pada 23–25 Oktober 2019 bertempat di National Museums, Singapore.

Dayang Aminah binti Majid, Kurator Arkeologi menghadiri *Introductory Talk on Leading Performance* pada 29 Oktober 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi, dan Awang Muhammad Syahirani bin Haji Sulaiman, menghadiri forum *SEA Ministries Heritage: Safeguarding and Reviving the Shared Maritime Culture of Sea* pada 4–9 November 2019 bertempat di Jakarta dan Belitung, Indonesia.

Dayang Aminah binti Majid-Kurator Arkeologi, Awang Haji Ilham Rohaidi bin Haji Mashud-Ketua Pegawai Muzium, Awang Zul Hilmi bin Haji Mohd Zain-Pegawai Arkib, dan Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim-Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I, menghadiri *The 6th University-Community Engagement Conference* (Persidangan Antarabangsa Libatsama Universiti-Komuniti Ke-6) pada 4–5 November 2019 bertempat di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D’Seni, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Bandar Seri Begawan.

Awang Haji Wajdi bin Haji Harith, Penyambut Tetamu / Operator Telefon, menghadiri Perkhidmatan Pelanggan Yang Berkualiti - *Frontliners* pada 4–7 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Hakimah binti Sufian, Ketua Pegawai Muzium dan Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar, Pegawai Perhubungan Awam menghadiri Tatacara Persuratan Rasmi pada 4–7 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Noradah binti Haji Nasir, Pegawai Kerja dan Dayang Hajah Siti Norhayatty binti Haji Morni, Pegawai Saintifik menghadiri kursus *Exercise Design Fundamentals* pada 7 November 2019 bertempat di CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC), Rimba.

Awang Haji Ilham Rohaidi bin Haji Mashud, Ketua Pegawai Muzium dan Dayang Hajah Siti Norhayatty binti Haji Morni, Pegawai Saintifik menghadiri *Resilient Leadership* pada 11–13 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Hakimah binti Sufian, Ketua Pegawai Muzium menghadiri *Human Resource Organisational Development (HRD) Roundtable 2019* pada 13–14 November 2019 bertempat di Dewan Musyawarrah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dayang Nora binti Haji Abdul Kadir, Pegawai Penyelidik Kanan, menghadiri *Power of Negotiation* pada 18–20 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar, Pegawai Perhubungan Awam dan Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi menghadiri Bengkel kebangsaan *Development of Cultural Tourism in Brunei Darussalam* pada 19 November 2019 bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dayang Aminah binti Majid, Kurator Arkeologi dan Awang Zul Hilmi bin Haji Mohd Zain, Pegawai Arkib, menghadiri *Effective Stakeholder Engagement* pada 19–21 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Awangku Mohammad Rawiyani bin Pengiran Haji Serudin, Penolong Penyelia Arkib menghadiri *Corporate Communication* pada 19–21 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Siti Syamiah @ Alaina binti Haji Mohammed, Pegawai Arkib dan Awang Haji Mahrin bin Haji Abas, Pegawai Perkhidmatan Pelajaran menghadiri Persidangan Perkhidmatan Awam (PPA) 2019 pada 19 November 2019 bertempat di Dewan Teater, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Awang Mohammad Suzawadeen bin Mohd Zaidi, Pelukis Tingkat III menghadiri *Design Thinking* pada 25–27 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Amalina Qayyimah binti Haji Kassim, Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I menghadiri *Break The Pattern* pada 26–28 November 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad, Pegawai Etnologi dan Dayang Hajah Nur Kamilah binti Haji Ismail, Pegawai Arkeologi, menghadiri *Towards Innovative Culture and Mindset* pada 26–28 November 2019.

Dayang Aminah binti Haji Majid, Kurator Arkeologi menghadiri *Data Analytics For Public Policy* pada 4–5 Disember 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Awang Haji Mohamad Jefri bin Haji Sabli, Pemangku Ketua Pegawai Arkib dan Dayang Nora binti Haji Abdul Kadir, Pegawai Penyelidik Kanan menghadiri Kursus *Community – Based Disaster Risk Management (CBDRM)* pada 4 Disember 2019 bertempat di CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC), Rimba Gadong.

Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi dan Awang Zul Hilmi bin Haji Mohd Zain, Pegawai Arkib menghadiri *Incident Command System-100 (ICS-100) Course* pada 23–24 Disember 2019 bertempat CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC), Rimba Gadong.

Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Fotografi sempena 50 Tahun (Jubli Emas) Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam telah diadakan pada 30 November 2019 bertempat di Teater PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib Negara.

Majlis Perasmian “Padang Berawa: A Country’s Legacy” yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 16 Disember 2019 bertempat di Muzium Daerah Belait, Kuala Belait.

Seramai 16 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-Muzium Brunei menderma darah pada 16 September 2019 bertempat di Bangunan Arkib Negara.

Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Mat Salleh, Pembantu Pelukis menjadi Pembengkel di acara SM. SMJA ART APPRECIATION WEEK pada 3 September 2019, di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA).

SELAMAT DATANG

Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Ketua-Ketua Bahagian, Pegawai dan Kakitangan Jabatan Muzium-Muzium mengalu-alukan kedatangan Kakitangan berikut:

**DAYANG NOR MASITIRENA BINTI HAJI SUHAINI
PEMANGKU PENGARAH MUZIUM-MUZIUM**
melapor pada 2 Disember 2019.

**AWANG HAJI WAJDI BIN HAJI HARITH
PENYAMPUT TETAMU / OPERATOR TELEFON**
melapor pada 9 September 2019.

**AWANG MOHAMAD FARHAN AZZIQA PUTRA BIN MUHAMMAD SHARMIDIN HAMIZAN
JURUMEKANIK ELEKTRIK**
melapor pada 21 Oktober 2019.

**DAYANG JAINAH BINTI MOHAMED
ATENDAN DEWAN**
melapor pada 16 Disember 2019.

TAHNIAH

Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Ketua-Ketua Bahagian, Pegawai dan Kakitangan Jabatan Muzium-Muzium mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat/jawatan kakitangan berikut:

DAYANG NORAZENI BINTI HAJI TARSAT
sebagai **KERANI**
di Jabatan Muzium-Muzium
pada 12 Jun 2019.

DAYANG NORAFIZAH BINTI GHANI
sebagai **PENYELENGGARA STOR TINGKAT II**
di Pejabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
pada 18 Julai 2019.

DAYANG NURUL 'AMALINA BINTI HAJI MOHD SAINI
sebagai **PENTERJEMAH**
di Jabatan Muzium-Muzium
pada 30 Oktober 2019.

AWANG MOHAMMAD AZRI BIN HAJI RAZALI
sebagai **PEMBANTU SERANGGA**
di Jabatan Muzium-Muzium
pada 10 Disember 2019.

Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Ketua-Ketua Bahagian, Pegawai dan Kakitangan Jabatan Muzium-Muzium mengucapkan **SELAMAT BERSARA** kepada:

AWANG HAJI RUSLI BIN HAJI KADIR
pada 29 Oktober 2019.



جَابْتَنْ مُوزِيُّمْ بُرْنَيْ

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM